



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 717]**

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1975 [Ruangan 761]

**Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1975
[Ruangan 762]**

Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1976 [Ruangan 762]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan), 1976 [Ruangan 764]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1976 [Ruangan 766]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1976 [Ruangan 767]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1976 [Ruangan 768]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1976 [Ruangan 770]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1976 [Ruangan 770]

**Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1976
[Ruangan 771]**

KANDUNGANNYA—(samb.)

**Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1976
[Ruangan 772]**

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1976 [Ruangan 774]

Akta Eksais, 1961—

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1976 [Ruangan 764]

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1976 [Ruangan 765]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
S.P.M.J. (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD,
S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelevu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YAAKUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N., (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

Yang Berhormat TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHFIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 8hb April, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

AHLI-AHLI PARLIMEN/NEGERI DALAM JAWATANKUASA PEMBANGUNAN

1. Tuan Abit anak Angkin minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan menimbang memasukkan Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Majlis Negeri dalam berbagai-bagai Jawatankuasa Pembangunan supaya mereka mendapat gambaran sepenuhnya mengenai rancangan-rancangan yang sedang dijalankan dan yang dirancang di kawasan-kawasan mereka dari segi pembangunan.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan pembangunan samada di peringkat Pusat atau Negeri adalah dilaksanakan berdasarkan kepada kelulusan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Parlimen dan Dewan Undangan Negeri adalah badan yang membuat dasar-dasar berkenaan dengan rancangan-rancangan pembangunan di peringkat Pusat dan Negeri.

Pelaksanaan dasar dan rancangan mengikut sistem yang ada pada masa ini adalah bergantung kepada Pegawai-pegawai Kerajaan. Di sini untuk menjamin pelaksanaan, penyelarasan dan pengawasan projek-pembangunan, Jawatankuasa-jawatankuasa Tindakan dan Pembangunan bagi peringkat daerah dan negeri telah dibentuk terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan pemimpin politik. Bagi peringkat Pusat

selain dari dua orang pegawai semua Ahli-ahli Majlis Tindakan Negara terdiri daripada pemimpin politik. Ini menunjukkan iaitu penyertaan pemimpin politik dalam proses pembangunan adalah mencukupi.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada ramai Ahli-ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri masuk dalam banyak Jawatankuasa-jawatankuasa Pembangunan, akibatnya mereka tidak boleh membantu (contribute) kepada pembangunan negeri kita. Apakah tindakan Yang Berhormat Menteri akan ambil mengenai perkara ini.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi pemimpin-pemimpin politik ketiga-tiga peringkat iaitu nasional, negeri dan daerah adalah mengambil bahagian dalam pelaksanaan rancangan-rancangan. Tidakkah boleh memberi peluang kepada semua Ahli-ahli Parlimen menyertai dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Pelaksanaan ini. Yang Berhormat itu telah mengetahui tugas utama Ahli-ahli Parlimen ialah membuat dasar di sini, bukan mengambil bahagian dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pada tiap-tiap peringkat.

ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN

2. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang menambahkan bilangan anggota pasukan keselamatan dan jika ya, bila.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa penambahan bilangan anggota-anggota pasukan keselamatan telahpun dipersetujukan dan sedang dijalankan.

HARTA PESAKA

3. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar banyak kes-kes di Mahkamah terutama sekali kes-kes bersabit dengan harta pesaka tidak dapat diselesaikan selama lebih daripada 10 tahun, dan jika sedar, samada beliau akan menimbang menambah bilangan hakim-hakim untuk menolong menyelesaikan kes-kes tersebut.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang dipertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu ingin saya menyatakan bahawa proses pembahagian harta pesaka adalah memakan masa dan sebahagian besarnya bergantung di atas tindakan waris-waris.

Sesuatu kes pembahagian harta pesaka di Mahkamah Tinggi adalah terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat Pertama ialah: permohonan untuk mendapat Surat Kuasa Mentadbir (Pesaka) dan Peringkat Kedua ialah: permohonan untuk Pembahagian Harta Pesaka.

Pada kebiasaannya tempoh masa untuk seseorang pemohon mendapat Surat Kuasa Mentadbir (Letter of Administration) dari tarikh ia membuat permohonan hingga tarikh permohonannya itu ditimbangkan (hearing of the application) oleh Penolong Kanan Pendaftaran mengambil masa antara 2 hingga 3 bulan jika sekiranya tidak ada apa-apa bantahan daripada waris-waris atau mana-mana pihak yang lain terhadap permohonan itu. Jika ada bantahan permohonan itu dibicarakan oleh Hakim dan biasanya memakan masa lebih dari 3 bulan.

Setelah permohonan untuk mendapat Surat Kuasa Mentadbir telah dipertimbangkan, maka adalah menjadi tanggungjawab di atas orang yang dilantik mentadbir pesaka itu (dalam bahasa loghat dipanggil "Kepala Kuasa") membayar Duti (Cukai) Harta Pesaka (Estate Duty) kepada Pemungut Duti Harta Pesaka. Apabila ada keterangan yang pembayaran ini telah selesai maka barulah Mahkamah akan mengeluarkan Surat Kuasa (Letter of Administration) kepada "Kepala Kuasa". Biasanya "Kepala Kuasa" mengambil masa yang agak lama untuk membayar Duti Harta Pesaka ini dan selagi Duti ini tidak dibayar maka selama itulah Mahkamah tidak dapat mengeluarkan Surat Kuasa kepada "Kepala Kuasa".

Selepas "Kepala Kuasa" telah mendapat Surat Kuasa maka adalah menjadi tanggungjawabnya "mentadbirkan" harta pesaka yang berkenaan. Ia bertanggungjawab untuk membahagi-bahagikan harta pesaka itu atau hasil-hasil darinya kepada waris-waris yang berhak menerimanya.

Ia juga bertanggungjawab menyediakan kira-kira "Perolehan" (Income) dan "Perbelanjaan" (Expenditure) berkenaan dengan harta pesaka itu jika dipinta oleh mana-mana waris yang berhak dalam harta pesaka itu.

Sekiranya harta pesaka itu mengandungi tanah, maka adalah menjadi tanggungjawab di atas "Kepala Kuasa" menentukan siapakah di antara waris-waris yang berhak mendapat tanah itu. "Kepala Kuasa" mestilah membuat permohonan kepada Mahkamah untuk mendapat Perintah Mahkamah supaya tanah itu dipindah milik kepada waris yang ditentukan mendapat tanah harta pesaka itu. Mahkamah tidak berkuasa mengarah "Kepala Kuasa" membahagi-bahagikan harta pesaka itu di dalam sesuatu tempoh masa yang ditentukan kerana ini bukanlah tanggungjawab Mahkamah dan tidaklah ditetapkan oleh undang-undang untuk Mahkamah berbuat demikian. Adakalanya "Kepala Kuasa" tidak pun mengambil langkah atau tindakan untuk menentukan pembahagian harta pesaka itu kepada waris-waris yang berhak menerimanya. Tambahan lagi jika sekiranya ada di antara waris-waris itu kanak-kanak yang belum cukup umurnya di segi undang-undang (belum mencapai umur 18 tahun) maka selama itulah "Kepala Kuasa" diwajibkan mentadbir harta pesaka itu.

Pihak yang berhak untuk meminta "Kepala Kuasa" menentukan ataupun menetapkan pembahagian harta pesaka ialah waris-waris itu sendiri. Mereka berhak menuntut dalam Mahkamah supaya "Kepala Kuasa" membahagi-bahagikan harta pesaka itu kepada mereka. Selagi mereka tidak berbuat demikian, maka "Kepala Kuasa"—sekiranya ia seorang yang cuma memerlukan kepentingannya sendiri sahaja—selalulah melengah-lengahkan tindakan untuk membahagi-bahagikan harta pesaka itu, bahkan adakalanya "Kepala Kuasa" sengaja tidak mengambil apa-apa tindakan langsung untuk membahagi-bahagikan harta pesaka itu. Sebab itulah terjadi perkara-perkara yang

disebut oleh Yang Berhormat di dalam soalnya ada “ kes-kes bersabit dengan harta pesaka tidak dapat diselesaikan selama lebih daripada 10 tahun ”

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, perkara menyelesaikan kes-kes bersabit dengan harta pesaka tidaklah bergantung kepada menambah bilangan Hakim-hakim. Menurut kedudukan undang-undang sekarang soal mempercepatkan pembahagian harta pesaka adalah terpulang kepada waris-waris itu sendiri meminta “Kepala Kuasa” atau membuat permohonan ke Mahkamah supaya dipercepatkan pembahagian harta pesaka yang mereka berhak mendapatkannya.

KAWASAN PENEMPATAN SEMULA

4. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, memandang kepada keadaan keselamatan yang begitu serius terutama sekali di Perak dan di kawasan Sempadan Utara Semenanjung Malaysia, adakah Kerajaan bercadang:

- (a) mengadakan Kawasan Penempatan Semula bagi penduduk-penduduk kawasan-kawasan yang terlibat dengan kegiatan pengganas-pengganas Komunis;
- (b) menjalankan kawalan dan catuan makanan bagi penduduk-penduduk tersebut supaya bahan-bahan makanan tidak terlepas ke tangan pengganas-pengganas Komunis; dan
- (c) mengawal dengan ketat dan jika perlu menutup perusahaan membalak di kawasan-kawasan yang terlibat yang dianggap sebagai sumber membantu pengganas-pengganas Komunis.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sukacita saya memberikan jawapan:

- (a) Penempatan semula ataupun pengumpulan semula akan dilaksanakan apabila difikirkan perlu mengikut keadaan keselamatan setempat.
- (b) Kawalan makanan dan barang-barang sekatan telah sedia dikuatkuasakan di kawasan-kawasan tertentu di dalam negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang dan akan dikuatkuasakan di kawasan-kawasan lain

jika didapati perlu. Walau bagaimanapun, catuan makanan boleh dilaksanakan pada ketika ini memandangkan sebab ada keperluan mengenakan sekatan-sekatan cara ini. Sekiranya keperluan demikian timbul di mana-mana kawasan pada masa hadapan Kerajaan juga tidak akan teragak-agak menguatkuasakan catuan makanan demi kepentingan keselamatan negara.

- (c) Langkah-langkah untuk menutup perusahaan membalak khasnya di kawasan utara lebuhraya timur-barat sedang dilaksanakan bagi tujuan-tujuan mengelakkan musuh dapat berkambang di kawasan-kawasan tersebut. Dan juga supaya tenaga pasukan keselamatan boleh ditumpukan ke kawasan-kawasan yang lebih penting. Bagi kawasan perusahaan membalak yang lain, Kerajaan Negeri akan melaksanakan konsep forest management unit untuk memudahkan kawalan aktiviti-aktiviti membalak. Dengan cara ini boleh diadakan pusat-pusat kongsi yang dikawal oleh Area Security Unit yang diselenggarakan oleh pihak pembalak. Pekerja-pekerja juga boleh tinggal dalam pusat kongsi yang berpagar dan dibenar membawa makanan yang telah dimasak cukup untuk sehari daripada kongsi tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Chee Khoon.

(Soalan No. 5 Y.B. Dr Tan Chee Khoon tidak hadir).

WAD BERSALIN DI HOSPITAL BUKIT MERTAJAM

6. Tuan Tan Cheng Bee bertanya kepada Menteri Kesihatan adakah beliau sedar bahawa Wad Bersalin di Hospital Bukit Mertajam adalah tidak mencukupi sama sekali bagi menempatkan orang-orang bersalin sekarang yang datang ke Hospital Bukit Mertajam. Jika sedar, adakah Kementerian hendak membina Wad Bersalin yang baru ataupun membesarkan Wad Bersalin yang ada sekarang di Bukit Mertajam supaya membolehkan perkhidmatan yang lebih baik diberi kepada begitu banyak orang-orang yang datang untuk bersalin di Hospital Bukit Mertajam.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Abu Bakar bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Wad Bersalin di Hospital Bukit Mertajam adalah perlu diperluaskan lagi bagi menempatkan orang-orang yang datang untuk bersalin di hospital tersebut. Kementerian saya sedang bercadang untuk membesarkan dan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan yang sedia ada di hospital bersalin itu. Tindakan sedang diambil untuk memenuhi permintaan ini.

KEDAI-KEDAI PAJAK GADAI

7. Tuan Mak Hon Kam (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa kedai-kedai pajak gadai mengenakan faedah yang terlalu tinggi daripada kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan atas pinjaman kecil dan membuat penilaian yang rendah terhadap barang-barang yang dipajakkan, menyebabkan kesusahan kepada pelanggan-pelanggan yang berpendapatan rendah; dan
- (b) samada Kerajaan akan menimbang menghapuskan sistem tawaran yang ada sekarang dan menggantikannya dengan sistem perlesenan, supaya lebih banyak lagi kedai pajak dapat diberi lesen untuk mengelakkan amalan monopoli oleh sebuah atau dua buah kedai pajak bagi kepentingan pelanggan-pelanggan yang berpendapatan rendah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ini telah menerima daripada masa ke semasa aduan daripada pegadai-pegadai mengenai aktiviti-aktiviti pemegang lesen pajak gadai. Aduan-aduan ini telahpun disiasat dan hasil dari siasatan ini telah didapati bahawa kebanyakan pemegang-pemegang lesen menjalankan perniagaan mereka mengikut undang-undang yang ada sekarang. Bagaimanapun, saya sedar bahawa ada kemungkinan beberapa pemegang-pemegang lesen tidak berbuat demikian. Ini ialah kerana kebanyakan pegadai tidak mengetahui tentang undang-undang tersebut seperti kadar faedah

dan sebagainya dan telah tidak melaporkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Sungguhpun demikian Kerajaan-kerajaan Negeri ada diminta untuk memperketatkan lagi pengawalan urusan-urusan kedai pajak. Kementerian saya bercadang hendak mengkaji semula sistem pajak gadai dan kemajuan pelaksanaan Akta Pemegang Pajak Gadai, 1972 yang mula berkuat-kuasa pada 2hb Januari, 1973. Dengan tujuan ini Kementerian saya telah berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapatkan laporan serta juga sebarang pandangan atau usaha yang bertujuan memperbaiki lagi sistem tersebut.

- (b) Sistem tawaran yang diamalkan pada masa sekarang adalah dijalankan dengan baik. Sungguhpun demikian untuk menghalang amalan monopolistik bilangan kedai pajak mungkin hendaklah ditambah. Walau bagaimanapun, masalah ini hendaklah dikaji sedalam-dalamnya sebelum sesuatu keputusan yang muktamat dapat diambil.

KES-KES ROMPAKAN

8. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kes-kes rompakan di seluruh negara dalam bulan Januari dan Februari, 1976 dan jumlah wang dan harta yang terlibat dalam rompakan itu;
- (b) bilangan perompak-perompak mengikut kaum yang melakukan rompakan-rompakan dalam bulan Januari dan Februari 1976 yang telah dapat diberkas; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah dijalankan untuk mencegah berlakunya rompakan yang menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang Pertua,

- (a) Perangkaan mengenai kes-kes rompakan di seluruh negara seperti yang

diminta oleh Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

Bulan Januari, 1976—423 kes.

Harta yang terlibat—\$1,043,681.12.

Bulan Februari bilangan kes 267.

Harta yang terlibat—\$849,048.09.

- (b) Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat adalah tidak menjadi amalan Kementerian ini untuk menyatakan perangkaan mengikut kaum. Semuanya berjumlah 104 orang yang telah ditangkap bersangkut dengan kes-kes rompakan dalam bulan-bulan Januari, 1976-66 dan Februari, 1976-38.
- (c) Untuk mencegah berlakunya kes-kes rompakan pihak Polis telah melancarkan operasi-operasi pada semua peringkat dan yunit-yunit khas telah pun dibentuk untuk mengkaji dan menyiasat kes-kes rompakan itu. Bahagian perisikan dan perancangan di bawah Jabatan Siasatan Penjenayah di tiap-tiap negeri sentiasa mengumpul, menyemak dan membandingkan semua maklumat resikan mengenai kes-kes rompakan. Di samping itu, Kerajaan sedang memperbesarkan lagi pasukan polis di semua peringkat dan berbagai-bagai cara yang efektif sedang dikaji dan diperaktikkan, bukan sahaja mengenai kes-kes rompakan tetapi juga untuk jenayah-jenayah yang lain. Rukun Tetangga telahpun dilancarkan di tempat-tempat yang perlu dan ramai lagi anggota-anggota RELA telah dibentuk di kampung-kampung untuk membantu polis bagi mencegah jenayah.

MENARIK BALIK SOALAN NO. 9

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan No. 9 baharu sebentar saya menerima surat daripada Yang Berhormat Tuan Haji Hishamuddin menarik balik soalnya.

JAWATANKUASA PETUGAS MENYERAHKAN HAKMILIK PERBADANAN AWAM

10. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perusahaan Awam menerangkan setakat mana Jawatankuasa Bertugas Menyerahkan

Hakmilik Perbadanan Awam kepada Bumi-putra telah menyediakan laporannya; jika laporan telah disempurnakan, samada telah disampaikan kepada Majlis Tindakan Negara, dan bila akan dapat diumumkan.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa Petugas Menyerahkan Hakmilik Perbadanan Awam yang telah dilantik oleh Y.A.B. Perdana Menteri telahpun menyediakan laporannya dan laporan tersebut telahpun dikemukakan kepada Kerajaan untuk mendapat keputusan.

Kerajaan akan mengumumkan pelaksanaan rancangan tersebut apabila sahaja Kerajaan bersetuju dengan dasar-dasar dan cara pelaksanaan yang diperakukan oleh Jawatankuasa itu.

ROTI SEBAGAI BARANG KAWALAN

11. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau akan mengkaji lebih mendalam sebelum roti dimasukkan ke dalam senarai barang-barang terkawal, memandangkan bahan tersebut ialah makanan mustahak.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengkaji secara mendalamnya perkara pengistiharan roti sebagai barang kawalan dan tindakan akan diambil tidak lama lagi dalam mana roti akan diistiharkan sebagai barang kawalan.

RUMAH ORANG-ORANG TUA

12. Wan Zainab binti M. A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada beliau sedar bahawa orang-orang tua yang tiada tempat bergantung telah bertambah dan memandangkan bahawa Rumah Orang-orang Tua yang ada sekarang tiada begitu besar samada beliau bercadang untuk memperbesarkannya untuk menempatkan lebih dari bilangan kemasukan biasa. Adakah Kementerian beliau bercadang membesarkan rumah-rumah itu dengan mendirikan rumah-rumah yang lebih banyak untuk menampung keperluan orang-orang yang terlantar itu.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyatakan samada bilangan orang-orang tua yang tiada tempat bergantung semakin bertambah bilangannya oleh kerana tidak ada kajian yang dijalankan untuk menentukan perkara ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini ada lapan buah Rumah Orang-orang Tua yang ditadbir oleh Kerajaan dan 89 buah rumah Orang-orang Tua Sukarela yang memberi perlindungan kepada orang-orang tua yang terlantar. Keperluan untuk menambah lagi bilangan Rumah-rumah ini tidak berbangkit buat masa ini kerana tempat-tempat kosong masih lagi terdapat di Rumah-rumah ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya senantiasa memberi perhatian yang berat di atas perkara ini dan jika perlu lebih banyak lagi Rumah-rumah Orang Tua akan dibina samada oleh Kerajaan atau melalui Majlis Kebajikan Pusat dengan Bantuan wang daripada Kerajaan.

INNER LONDON EDUCATION AUTHORITY

13. Tuan Ch'ian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar akan kebimbangan dan perasaan tidak tentu di kalangan pelajar-pelajar dan ibubapa-ibubapa sejak keputusan pihak "Inner London Education Authority" pada 18hb Februari, 1976 untuk mengurangkan bilangan pengambilan pelajar-pelajar seberang laut sebanyak setengah, satu langkah yang akan menjejaskan kepentingan pelajar-pelajar yang berniat hendak belajar di London pada masa akan datang dan jika ya, nyatakan perwakilan yang beliau akan buat kepada pihak "Inner London Education Authority" untuk mengubah hasratnya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, keputusan pihak "Inner London Education Authority" untuk mengurangkan bilangan pengambilan pelajar-pelajar seberang laut adalah hak negara tersebut dan Kerajaan kita tidak bertujuan untuk menentang keputusan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pelajaran akan menimbang kemungkinan mengutarakan rayuan terhadap pihak "Inner London Education Authority" berkenaan masaalah ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim tidak hadir).

UNIVERSITI TEKNOLOJI MALAYSIA

15. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan perkara-perkara yang berikut mengenai Universiti Teknologi Malaysia.

- (a) dalam bidang apakah yang dimaksudkan dengan perhubungan-perhubungan tertentu telah dibuat dengan tiga buah Universiti Amerika Syarikat dan menyatakan perkembangannya sekali;
- (b) nyatakan apakah bentuk bantuan yang diberi oleh Kerajaan Indonesia; dan
- (c) sejauh manakah perkembangan Jabatan Petroliaam yang ditubuhkan di Universiti itu pada tahun yang lepas.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya Universiti Teknologi Malaysia mempunyai perhubungan dengan 6 buah Universiti-universiti di Amerika Syarikat; bukan 3 buah Universiti-universiti. Perhubungan tersebut itu telah berjalan sejak dari tahun 1973, iaitu dengan Universiti:
 - (i) Ohio University
 - (ii) Massachusetts Institute of Technology
 - (iii) California Polytechnic State University
 - (iv) Penn State University
 - (v) Hawaii University
 - (vi) Stanford University.

Universiti Teknologi Malaysia juga membuat perhubungan dalam bidang kerjasama dengan American Association of State Colleges and Universities. Bidang kerjasama yang dilaksanakan dengan Universiti-universiti tersebut adalah berupa:

- (i) Mendapatkan bantuan bagi menyediakan kurikulum pelajaran di Universiti tersebut di dalam segala bidang.

- (ii) Mendapatkan nasihat pakar-pakar.
 - (iii) Bantuan dan kerjasama bagi mendapatkan tempat belajar untuk kursus-kursus peringkat sarjana ataupun ijazah yang lebih tinggi kepada tenaga pengajar Universiti Teknologi Malaysia.
 - (iv) Mendapatkan pemeriksa-pemeriksa luar bagi peperiksaan yang dijalankan oleh Universiti tersebut.
 - (v) Mendapatkan bantuan tenaga pengajar kanan yang mahir dalam bidang-bidang yang tertentu.
 - (vi) Biasiswa-biasiswa dari Universiti-universiti di Amerika Syarikat untuk kakitangan Universiti tersebut.
- (b) Tidak ada bantuan secara langsung yang diberikan oleh Pemerintah Republik Indonesia kepada Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia dengan consortium dan Universitas-universitas di Republik Indonesia di dalam bidang akademik dan bantuan tenaga pengajar.
- (c) Rancangan menubuhkan Jabatan Kejuruteraan Petrol telahpun dirancang sejak awal Januari 1974 memandangkan keperluan negara terhadap tenaga mahir dalam bidang petroleum amat dikehendaki terutama apabila kejupaan petroleum di beberapa tempat di Malaysia. Kursus kejuruteraan petroleum ini telah dimulakan sejak sesi akademik 1975/1976 yang diletakkan di bawah Fakulti Kejuruteraan Jentera, dan Jabatan Kejuruteraan Petroleum ditubuhkan pada bulan Februari, 1976. Kursus-kursus yang diadakan di bawah Jabatan Kejuruteraan Petroleum ini mengandungi kursus peringkat diploma dan Ijazah, dan pada sesi 1975/1976 terdapat seramai 33 orang mengikut kursus peringkat diploma dan 29 orang lagi mengikut kursus peringkat ijazah. Pada sesi 1976/1977 yang akan datang yang bermula pada awal Jun tahun ini seramai 20 orang lagi pelajar di peringkat diploma dan 20 orang pelajar di peringkat ijazah akan diambil. Penuntut keluaran pertama

pada peringkat diploma akan dikeluarkan pada tahun 1977 dan penuntut pada peringkat ijazah akan dikeluarkan pada tahun 1979.

PUSAT-PUSAT PEMULIHAN

16. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada mereka yang menerima rawatan pemulihan dadah di pusat-pusat pemulihan boleh diajar dengan ajaran-ajaran ugama Islam, dan samada menjadi satu syarat kepada Kerajaan mengambil seorang Padri bagi mengasuh penagih-penagih dadah yang ditempatkan di Pusat-pusat Pemulihan guna memperbaiki akhlak mereka.

Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, ugama Islam sememangnya diajar kepada penagih-penagih dadah yang berugama Islam di Pusat-pusat Pemulihan yang ditadbir oleh Kementerian saya.

Jawapan bagi perenggan kedua kepada soalan itu ialah tidak.

WAKIL POS

17. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau bercadang menempatkan di setiap wakil pos seorang posmen untuk memastikan setiap surat akan sampai ke tangan si penerima dengan selamat dan segera.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak mungkin untuk menempatkan seorang posmen di tiap-tiap wakil pos. Kebanyakan kawasan-kawasan di semua wakil pos ditempatkan sudah pun mendapat kemudahan penyerahan dari rumah ke rumah terus dari pejabat pos-pejabat pos yang berhampiran. Lain-lain kawasan pendalaman yang sebaran penduduknya agak terpencil dan tidak menikmati kemudahan-kemudahan penyerahan dari pejabat pos-pejabat pos yang berhampiran, ada ditempatkan seorang posmen atau penghantar sambilan di wakil-wakil pos mereka.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berormat Timbalan Menteri sedar bahawa beberapa

kawasan yang baru dibuka memerlukan perkhidmatan penghantar surat tetapi sehingga ini semua surat-surat yang diperlukan oleh pihak yang berkenaan tidak sampai kepada si penerimanya. Saya ingin mendapat penjelasan adakah tempat-tempat yang baru dibuka ini patut diadakan seorang penghantar surat ataupun posmen yang khas bagi sesuatu kawasan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah jelaskan tadi di mana-mana juga dalam kawasan-kawasan yang difikirkan perlu dan sesuai memanglah ada ditempatkan wakil-wakil pos dan pada setengah-setengah tempat di wakil-wakil pos yang kecil-kecil itu juga diadakan posmen yang bertugas di situ. Walau bagaimanapun keadaan ini bergantung kepada kedudukan dan keperluan di tempat itu masing-masing kerana sebagaimana yang diketahui kebanyakan tempat-tempat atau perkampungan-perkampungan yang baru dibuka itu jika tidak pun ditempatkan wakil-wakil pos ataupun pejabat-pejabat pos kecil maka posmen-posmen daripada pejabat-pejabat pos yang berhampiran akan dapat menyelesaikan urusan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa apa yang berjalan sekarang ini surat-surat yang dihantar kepada wakil-wakil pos itu tidak sampai kepada tuan yang empunya dan kadang-kadang kalau kita edarkan 30 surat lebih kurang dalam separuh sahaja yang sampai kepada tuan yang empunya dan separuh lagi itu tercicir entah ke mana. Jikalau Kementerian sedar, apakah tindakan yang akan dibuat?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Surat apa yang tidak sampai, macammaya jenisnya?

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Surat rasmi iaitu surat yang dipos dengan menggunakan stem (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah dapat menafikan kemungkinan-kemungkinan berlaku masalah-masalah seperti itu tetapi pihak Kementerian ini perlulah mendapat kenyataan-kenyataan yang tepat yang boleh diambil perhatian oleh Kementerian ini sendiri.

PENGGANAS KOMINIS

18. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah sebarang rancangan atau dasar yang dibuat oleh Kerajaan dalam mana orang ramai (terutamanya mereka yang tinggal di kawasan sempadan) boleh mengambil peranan dari segi keselamatan negara untuk membantu Kerajaan menghapuskan pengganas-pengganas kominis selain daripada dengan hanya meminta mereka membuat laporan.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun melaksanakan beberapa rancangan bagi membolehkan rakyat mengambil peranan dari segi keselamatan negara untuk membantu Kerajaan menghapuskan pengganas-pengganas kominis. Di antaranya:

- (a) menubuhkan pasukan RELA dengan memberi keutamaan pembahagian senjata-senjata di kawasan-kawasan sempadan;
- (b) menubuhkan sekim Rukun Tetangga; dan
- (c) penubuhan Majlis Perhubungan Masyarakat di kawasan-kawasan sensitif terutama sekali di bandar-bandar dan pekan-pekan di kawasan sempadan.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semalam bahawa keadaan keselamatan kita serious tetapi terkawal dan minta orang ramai memberi kerjasama. Yang saya hendak tahu sejauh manakah kerjasama yang diperlukan oleh Kerajaan kepada rakyat dalam menghapuskan penjahat-penjahat atau kominis ini, umpamanya kalau penjahat itu datang ke rumah mereka meminta makanan, adakah boleh rakyat bertindak dengan sendirinya menghapuskan pengganas itu dan tidak diambil tindakan oleh Kerajaan terhadap pembunuh itu. Sejauh mana dapat Kerajaan bertindak terhadap pengganas ini?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama yang dimaksudkan di sini ada berbagai-bagai cara. Satu daripadanya ialah kerjasama rakyat secara individu, secara perseorangan atau persendirian seumpama kata Ahli Yang Berhormat tadi jika ada pengganas meminta

makanan di rumah mereka maka cara persendirian ini mereka haruslah memberitahu pihak yang berkuasa tempatan yang paling dekat sekali seumpama Polis, Penghulu, Ketua Kampung, Ketua-ketua RELA, Wakil Rakyat dan sebagainya. Yang kedua, kerjasama yang teratur yang sedang disusun oleh Kerajaan pada masa ini ialah dengan pembentukan RELA. RELA ini sebuah organisasi yang dibentuk oleh Kerajaan dengan tujuan menggabungkan atau mengumpulkan tenaga rakyat supaya dapat disalurkan segala apa juga bantuan yang diperlukan oleh pihak yang berkuasa daripada rakyat melalui RELA dan sekarang ini Rukun Tetangga yang dimaksudkan bagi kawasan-kawasan bandar dan juga kawasan-kawasan sesak dan kawasan kecil tempatan dan perhubungan-perhubungan masyarakat seperti yang saya terangkan tadi yang sekarang ini sedang dijalankan di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Maksud Ahli Yang Berhormat itu saya menjelaskan bahawa kerjasama rakyat yang diperlukan itu ialah gambaran yang dapat saya berikan tadi.

Tuan Embong bin Yahya: Soalan tambahan. Saya faham berkenaan dengan hal memberi laporan itu sudah biasa dibuat, tetapi sekiranya keadaan terdesak—orang kampung ada senjata dan pengganas datang ke rumah mengganggunya, adakah boleh diambil tindakan membunuh pengganas itu dan dia tidak dipengapakan oleh Kerajaan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu tidak payah dilawan, cuma beri laporan selepas itu.

PENGELUARAN KELAPA KERING

19. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah pengeluaran kelapa kering negara ini tiap-tiap tahun sejak tahun 1972;
- (b) jumlah eksport kelapa kering dan minyak kelapa tiap-tiap tahun sejak 1972 dan jumlah harganya; dan
- (c) apakah rancangan-rancangan Kerajaan untuk menambah pengeluaran dan memperbaiki mutu kelapa kering serta menstabilkan harganya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

(a) *Pengeluaran kelapa kering*

Tahun 1972—142,970 tan

Tahun 1973—134,040 tan (tidak termasuk Sabah)

Tahun 1974—117,120 tan (tidak termasuk Sabah dan Sarawak)

Angka-angka bagi Sabah untuk tahun 1973 dan Sabah serta Sarawak bagi tahun 1974 belum lagi diterima oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

(b) *Ekspot kelapa kering dan harganya*

Tahun 1972—32,192 tan bernilai \$10,390,500

Tahun 1973—12,098 tan bernilai \$6,819,200

Tahun 1974—10,476 tan bernilai \$11,383,600

Ekspot minyak kelapa dan harganya

Tahun 1972—27,586 tan bernilai \$16,912,100

Tahun 1973—30,212 tan bernilai \$31,755,000

Tahun 1974—46,021 tan bernilai \$106,306,600

- (c) Untuk menambahkan pengeluaran kelapa kering, Kerajaan telah melaksanakan semenjak tahun 1963 rancangan pemulihan dan juga penanaman semula kelapa dan sehingga bulan Disember 1975 seluas 21,185 ekar kelapa telah ditanam semula dan 80,000 ekar telah dipulihkan.

Berkenaan dengan memperbaiki mutu kelapa kering, FAMA telah mendirikan beberapa kilang memproses kelapa kering di kawasan-kawasan pengeluaran kelapa di seluruh Malaysia untuk memproses kelapa yang dikeluarkan daripada kebun-kebun kecil untuk dijadikan kelapa kering yang lebih baik mutunya dan beberapa kilang lagi adalah dirancangan untuk Rancangan Malaysia Ketiga.

Tentang menstabilkan harga kelapa kering ini adalah sukar kerana harganya bergantung kepada harga pasaran dunia. Walaupun demikian, FAMA telah melaksanakan

rancangan kawalan pemasaran kelapa untuk mengawal kegiatan-kegiatan orang-orang tengah melalui perlesenan supaya mereka memberi layanan yang adil kepada pekebun-pekebun kecil kelapa. Selain daripada itu, FAMA sendiri telah melibatkan diri dalam pembelian kelapa kering di kawasan-kawasan pengeluaran kelapa untuk menambahkan persaingan di peringkat ladang dan dengan demikian menentukan pekebun-pekebun kecil dapat harga yang berpatutan.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa FAMA membeli dan mengeringkan kelapa kering. Tetapi saya ingin mengetahui adakah FAMA hanya membuat kelapa kering sahaja tidak memperoses menjadikan minyak ataupun bahan lain.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya nyatakan kilang-kilang minyak kelapa kering juga sedang dirancang akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang hendak membuka projek ladang kelapa di dalam negara kita ini sebagaimana projek ladang-ladang kelapa sawit dan sebagainya?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, belum lagi.

SIMPANAN BANK PERDAGANGAN

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan kesan yang dibawa sehingga sekarang dan kejayaan yang dicapai dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kanun simpanan bank perdagangan di Bank Negara Malaysia.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan berkanun bank-bank perdagangan yang dikehendaki disimpan dengan Bank Negara telah dikurangkan sebanyak tiga peratus mata (percentage points) di dalam bulan Februari dan bulan Mei, 1975. Ini adalah bertujuan untuk menambahkan jumlah kumpulanwang

baru di dalam sistem bank bagi memastikan bank perdagangan mempunyai kecairan (liquidity) yang mencukupi untuk meluaskan kegiatan pinjaman mereka. Sebagai hasilnya bank-bank perdagangan telah memperolehi kelebihan kumpulanwang yang boleh dipinjamkan, iaitu sebanyak \$107 juta pada pertengahan bulan Februari, 1975 dan sebanyak \$111 juta lagi pada pertengahan bulan Mei, 1975. Langkah ini dan juga tindakan mengenai pengurangan kadar faedah telah menyebabkan pertambahan permintaan kredit daripada sektor swasta, dan ini boleh dilihat dalam pertambahan pinjaman bank sejak bulan Mei, 1975. Pendahuluan-pendahuluan dan pinjaman-pinjaman bank telah bertambah sebanyak \$201 juta dalam tempoh suku kedua, \$379 juta dalam suku ketiga dan \$217 juta dalam suku terakhir tahun 1975 dibandingkan dengan kenaikan sebanyak \$97 juta sahaja dalam suku pertama tahun 1975. Nisbah cadangan bagi bank-bank perdagangan selanjutnya telah dikurangkan sebanyak satu peratus mata (percentage point) kepada 6 peratus daripada jumlah deposit bank-bank perdagangan dalam bulan Februari, 1976. Sebagai hasilnya sistem bank mendapati pertambahan kumpulanwang yang boleh dipinjamkan sebanyak \$83 juta lagi. Tujuan utama mengenai tindakan ini ialah untuk memastikan supaya sistem bank mempunyai kumpulanwang yang cukup untuk membiayai pemulihan ekonomi negara ini.

BEKALAN KAYU BALAK

21. Tuan Edwin Anak Tangkun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk menubuhkan satu peraturan barangan bagi kayu balak sebagaimana yang telah dibuat kepada bijih timah dan getah kerana peraturan sedemikian boleh memberi dua tujuan untuk mengatur bekalan kayu serta mendapatkan harga yang stabil dan mempercepatkan perkembangan perusahaan barang-barang yang berasaskan kayu dalam ekonomi negara.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidaklah ada rancangan untuk menubuhkan satu peraturan barangan antarabangsa bagi kayu balak sebagaimana yang telah dibuat untuk bijih timah dan getah. Satu faktor utama yang menghalang kepada pembentukan peraturan

barangan-barangan tersebut atau lain-lain bentuk pengstabilan harga bagi kayu-kayan ialah terdapatnya berbagai-bagai jenis kayu di beberapa negeri di dunia ini. Selain dari itu, walaupun kayu merupakan satu barangan yang tahan lama, tetapi ia masih juga tertakluk kepada kemerosotan kualiti dalam masa yang agak singkat.

Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dalam jawapannya pada 24-11-75, yang lalu bagi menjawab soalan yang hampir sama dari Yang Berhormat sendiri, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa pihak Persatuan-persatuan Pengeluar Kayu Balak di Indonesia, Malaysia dan Filipina telah menubuhkan Persatuan Pengeluar-pengeluar Kayu Balak Asia Tenggara dengan tujuan bersama bagi mengawal eksport kayu balak mengikut permintaan pasaran untuk menstabilkan harga-harga kayu balak di peringkat yang lebih memuaskan. Mereka telah mencapai sedikit sebanyak kejayaan bagi maksud ini.

PROJEK PEMBANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH

22. Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan perbezaan kemudahan-kemudahan pelajaran antara sekolah-sekolah di dalam dan di luar bandar di Sarawak.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada objektif atau tujuan utama rancangan-rancangan pelajaran dan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga ialah "mengadakan lebih banyak kemudahan-kemudahan pelajaran yang saksama di seluruh Negeri Sarawak untuk membetulkan keadaan-keadaan yang tidak seimbang". Oleh itu dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan bangunan sekolah di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga keutamaan dan perhatian yang lebih telah diberi terhadap projek-projek sekolah di kawasan-kawasan luar bandar di bawah rancangan-rancangan sekolah rendah dan menengah.

Khususnya, projek-projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua selaras dengan objektif mengurangkan ketidakseimbangan di antara sekolah-sekolah

luar bandar dan di dalam bandar termasuk yang berikut:

- (1) pembinaan lebih banyak sekolah-sekolah baru, rumah-rumah guru dan asrama-asrama di kawasan-kawasan luar bandar;
- (2) melaksanakan lebih banyak projek-projek bangunan tambahan dan memperbaiki sekolah-sekolah yang ada di kawasan-kawasan luar bandar;
- (3) mengganti bangunan-bangunan sekolah rendah yang sudah buruk (sub-standard) di kawasan-kawasan luar bandar;
- (4) memperbaiki dan meninggikan lagi mutu kemudahan-kemudahan, keselesaan dan perkhidmatan di sekolah-sekolah luar bandar termasuk pembekalan kelengkapan, buku-buku teks, dan sebagainya.

Memandangkan bilangan sekolah yang banyak dan berselerak di kawasan-kawasan luar bandar Sarawak maka untuk membetulkan "ketidakseimbangan" ini tentulah memakan masa. Walau bagaimanapun, penambahan yang besar dalam belanja pembangunan telahpun diminta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga supaya pembangunan dan usaha-usaha memperbaiki kemudahan-kemudahan pelajaran di kawasan-kawasan luar bandar boleh dipercepatkan.

PEMBINAAN SEKOLAH-SEKOLAH TAMBAHAN KERAJAAN

23. Tuan Patrick Anek Uren (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan dengan memberi kepada Jabatan Kerjaraya untuk mengusahakan projek pembinaan bangunan sekolah-sekolah tambahan Kerajaan, adakah beliau sedar bahawa Jabatan Kerja Raya dengan tenaga teknikal yang ada sekarang sudah mencukupi kerja untuk mereka:

- (a) jika Kementerian sedar, adakah difikirkan amat mustahak untuk mewujudkan bahagian khas di dalam Jabatan Kerja Raya untuk menjalankan kerja-kerja ini; dan
- (b) jika tidak sedar, adakah Kementerian berkenaan akan menyiasat perkara ini untuk tindakan sepatutnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Dr Goh Cheng Teik): Soalan Ahli Yang Berhormat itu terlalu umum. Walau bagaimanapun saya percaya maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah projek pembinaan sekolah-sekolah Bantuan Kerajaan di negeri Sarawak. Saya diberitahu bahawa Kementerian yang berkenaan di Sarawak memang sedar akan masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan mengambil perhatian yang berat di atas perkara tersebut untuk memastikan supaya apa jua program yang disiapkan oleh Kementerian Pelajaran Negeri tidak terganggu oleh kerja-kerja lain yang dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri.

PELAJAR-PELAJAR INSTITIUT TEKNOLOJI MARA

24. Tuan Farn Seong Than (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran samada beliau akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasat untuk menyiasat sebab-sebab yang menjadi punca kegelisahan di kalangan pelajar-pelajar di Institiut Teknologi MARA di Shah Alam serta mengambil langkah-langkah yang sewajar untuk membetulkan keadaan tersebut.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran telahpun menubuhkan satu jawatankuasa penyiasat untuk mengkaji punca-punca kegelisahan di kalangan pelajar-pelajar I.T.M. pada tahun 1974 dan tidaklah perlu dibentuk satu Suruhanjaya Penyiasat lagi. Tindakan mengadakan Jawatankuasa atau Suruhanjaya Penyiasat yang mana laporannya tidak akan diguna adalah satu pembaziran. Sebab itu, Kementerian Pelajaran ingin melaksanakan beberapa cadangan yang menasabah yang telah dikemukakan dalam laporan Jawatankuasa Penyiasat 1974. Sebenarnya, hampir semua tindakan yang diambil hingga sekarang adalah hasil daripada siasatan dan laporan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa itu. Bagi memperbaiki pentadbiran di Institiut tersebut dua buah Jawatankuasa Penyiasat telahpun ditubuhkan untuk mengkaji pencapaian dari segi akademik dan juga pentadbiran kewangan dan kira-kira.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar walaupun

Kerajaan telah membentuk atau mengwujudkan beberapa jawatankuasa untuk menyiasat keadaan di I.T.M. di Shah Alam, pelajar-pelajar di I.T.M. boleh dikatakan kebanyakannya tidak berpuas hati tentang apa yang dibuat oleh Jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran atau tentang apa tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran juga. Oleh yang demikian, bukankah perlu dan sesuai Kementerian Pelajaran menubuhkan suatu Suruhanjaya untuk menyiasat dengan mendalam-dalamnya keadaan di I.T.M.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar. Oleh kerana itu kita telah menubuhkan 2 buah jawatankuasa kecil untuk menyiasat perkara berkenaan dengan akademik dan juga berkenaan dengan pentadbiran kewangan dan kira-kira. Jadi dalam dunia ini tidak semua orang boleh berpuas hati maka dengan sebab itulah bagi pihak Kementerian Pelajaran kita berhati-hati apabila membuat penyiasatan ini. Pada setakat ini kita pun boleh bersyukur kepada pentadbiran dan juga perjalanan hari-hari di Maktab itu pun bertambah baik dan mudah-mudahan kita berharap kita dapat keamanan di kampus itu supaya ramai penuntut-penuntut kita yang hendak belajar dengan keadaan yang memuaskan.

Saya telahpun menjawab dalam jawapan saya tadi iaitu tidak payahlah kita membuat suatu suruhanjaya untuk menyiasat oleh kerana pada tahun 1974 kita telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyiasat dan pada hari ini banyak keputusan-keputusan daripada Jawatankuasa itu telahpun diambil tindakan.

KEJADIAN-KEJADIAN JENAYAH

25. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, berhubung dengan kejadian-kejadian jenayah yang kian hari terjadi, terutamanya rompak-merompak, rogol dan pembunuhan serta memiliki senjata secara haram, sejauhmanakah tindakan yang telah diambil berhubung dengan:

- (a) mengatasi kejadian tersebut melalui beberapa Akta yang telah dikanunkan; dan

- (b) menyiasat dengan rapi punca-punca dari mana terdapat senjatapi-senjatapi tersebut.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) secara menyeluruh kes-kes jenayah seperti kes bunuh, rompakan, peras ugut dan kecurian di seluruh negara baru-baru ini dalam tahun 1976 adalah berkurangan. Cuma kes rogol sahaja telah bertambah. Tindakan di atas undang-undang yang diambil ke atas penjenayah-penjenayah tersebut adalah berdasarkan kepada jenis-jenis kesalahan yang dilakukan. Mengenai bilangan senjatapi haram yang telah dirampas pula ialah 41 pucuk dan pihak Polis telah menangkap seramai 53 orang berhubung dengan pemilikan itu. Tindakan ke atas orang-orang yang memiliki senjata ini baru-baru ini adalah seperti berikut:

(i) Akta Senjatapi 21/ 1960	...	...	33 orang
(ii) Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 37/1961	...	...	12 orang
(iii) Akta Keselamatan Dalam Negeri 82/ 1960 (Pindaan) 1972			8 orang
JUMLAH			53 orang

- (b) Pihak Polis sentiasa menjalankan penyiasatan yang rapi berkenaan dengan punca-punca dan dari mana senjatapi itu didapati. Mengikut siasatan senjatapi-senjatapi tersebut adalah diseludupkan ke negeri ini dari negeri asing oleh penjenayah-penjenayah atau dibeli dari mereka yang telah menyeludup senjatapi tersebut dari luar negeri.

PENGARUH FILEM-FILEM DI TV

26. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat kejadian-kejadian rompakan dan bunuh di negara ini sejak akhir-akhir ini akibat dari pengaruh filem-filem bercorak ganas yang menggunakan senjatapi di TV, dan jika ya, samada beliau bercadang

untuk menggantikan siri-siri ganas ini dengan siri yang bercorak pelajaran bagi menafaat belia-belia kita di negara ini.

Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk memastikan samada kejadian-kejadian rompakan dan bunuh membunuh di negeri ini ada kaitan langsung dengan pengaruh filem-filem yang ditayangkan di TV Malaysia. Sebenarnya semua filem-filem yang disiarkan melalui TV Malaysia adalah diperiksa dan ditapis oleh Badan-badan Penapis yang tertentu sebelum ia ditayangkan. Seberapa yang boleh semua unsur-unsur yang dianggap mengajar cara-cara mengganas dan kejahatan—saya ulang, mengajar cara-cara mengganas dan kejahatan—adalah dipotong dari tayangan umum. Memanglah menjadi tujuan R.T.M. untuk menyiarkan siri-siri filem yang bercorak pelajaran lebih-lebih lagi filem-filem yang boleh mendatangkan faedah kepada penuntut-penuntut dari segi memperbaiki akhlak dan menanam perasaan sivik kepada mereka.

PERKHIDMATAN FERI LOMBONG TRONOH KE KAMPUNG TIMAH

27. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan samada beliau sedar perkhidmatan feri di antara Tronoh Mines dengan Kampung Timah di Batu Gajah akan direntikan perkhidmatan feri ini akan melibatkan lebih kurang 500 orang yang menggunakan feri setiap hari; jika ya, nyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang akan dialami orang-orang yang terlibat itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkhidmatan feri di antara Lombong Tronoh dengan Kampung Timah di Batu Gajah ialah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa masaalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sedang dalam perhatian Kerajaan Negeri Perak.

TOPI KELEDAR

28. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Kerja Raya dan kemudahan-kemudahan menyatakan semenjak dikuatkuasakan

undang-undang penggunaan topi keledar kepada penunggang-penunggang motosikal adakah kemalangan yang membawa maut kepada penunggang-penunggang itu bertambah atau berkurangan; butirkan peratus pertambahannya atau perkurangannya dan bilakah beliau bercadang menguatkuasakan undang-undang itu keseluruh negara.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dinyatakan bahawa semenjak undang-undang topi keledar dikuatkuasakan, bilangan kematian di antara penunggang-penunggang dan penumpang-penumpang motosikal telah berkurangan. Bagi empat kawasan peringkat pertama undang-undang tersebut iaitu di kawasan-kawasan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Bandaran Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Ipoh dan Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang, yang mana undang-undang itu telah dikuatkuasakan pada 15hb Februari, 1975, bilangan kematian penunggang dan penumpang motosikal sehingga bulan Disember ialah 108, berbanding dengan tempoh masa yang sama dalam tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 168 kematian. Ini bermakna kematian di kalangan penunggang dan penumpang motosikal di empat kawasan tersebut telah berkurangan lebih kurang sebanyak 40%.

Perangkaan kematian di 24 kawasan baru di peringkat kedua yang telah dikuatkuasakan pada 1hb November, 1975 masih belum didapati, tetapi saya percaya angka-angka kematian di tempat-tempat tersebut juga akan berkurangan.

Dengan kejayaan ini Kerajaan sedang menimbang pula untuk meluaskan lagi undang-undang topi keledar ini bagi peringkat ketiga ke kawasan-kawasan Utara dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan di kawasan-kawasan lain kelak di dalam peringkat-peringkat seterusnya sehinggalah undang-undang topi keledar ini meliputi seluruh negara.

PELABUR-PELABUR DI PERAK

29. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak tapak-tapak perusahaan di Tasek, Jelapang, Kamunting dan Parit Buntar dalam Negeri Perak belum lagi digunakan dengan sepenuhnya. Jika ya, apakah langkah-langkah yang

beliau bercadang hendak diambil untuk mengatasi kekurangan keyakinan yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur terhadap Negeri Perak.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, maka adalah tidak benar bahawa tapak-tapak di Kawasan Perindustrian Tasek, Jelapang, Kamunting dan Parit Buntar belum digunakan dengan sepenuhnya. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kawasan Perindustrian Tasek di Ipoh dan Kawasan Perindustrian Kamunting di Taiping telahpun dipenuhi keseluruhannya, sementara sebahagian besar daripada kawasan-kawasan perindustrian lain yang tersebut telah juga diperuntukkan.

Dengan membandingkan bilangan projek yang diluluskan oleh Kementerian ini untuk ditempatkan di Perak dengan lain-lain negeri, kemajuan di Perak adalah lebih baik daripada lain-lain negeri. Oleh itu tidaklah benar bahawa terdapat kurang keyakinan oleh pelabur-pelabur terhadap Negeri Perak.

PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTINE (PLO)

30. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan Malaysia akan, sebagai satu tanda sokongan yang tegas terhadap perjuangan rakyat Palestine dengan mengurniakan taraf diplomatik ke atas pejabat Pertubuhan Pembebasan Palestine di Malaysia sebagaimana yang dibuat oleh negara-negara lain seperti Republik Rakyat China, Pakistan, India dan Tanzania. dan menanggung segala perbelanjaan untuk mengendalikan pejabat wakil rasmi PLO di Malaysia termasuk menanggung membiayai sewa rumah dan kenderaan rasmi beliau.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, Dewan sedia maklum bahawa sokongan Malaysia terhadap perjuangan Palestine, sepertimana yang telah kita nyatakan berulang-ulang kali di berbagai forum antarabangsa, tetap tidak berubah. Selaras dengan dasar kita ini, kita telah sentiasa menyatakan sokongan moral dan politik kita terhadap hak orang-orang Palestine untuk menentukan nasib mereka sendiri. Dasar ini berasaskan kepada kepercayaan kita bahawa apa-apa penyelesaian secara damai dalam

pertikaian ini di Asia Barat mestilah dicapai dengan satu penyelesaian yang adil dan saksama terhadap masalah Palestine.

Dalam ertikata yang lebih jelas, dan sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat juga sedia maklum, Jawatankuasa Bantuan Palestine Malaysia telah membuat banyak sumbangan kewangan dari rakyat Malaysia kepada Pertubuhan Pembebasan Palestine (PPP); "Hari Perpaduan Palestine" disambut oleh Malaysia tiap-tiap tahun pada 21hb Ogos dan sejak tahun 1970, kita juga telah membenarkan sebuah Pejabat PPP dibuka di Kuala Lumpur dan ianya merupakan Pejabat yang tunggal yang seumpama itu di Asia Tenggara. Di samping itu, Kerajaan sekarang ini sedia menimbangkan untuk memberi kemudahan-kemudahan serta apa-apa bantuan yang lain dengan memperhitungkan amalan yang umum di negara-negara lain dan juga kemampuan dan keperluan kita.

PERUNTUKAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU

31. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan amalan wang yang akan diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk 465 buah kampung-kampung baru di seluruh negara untuk memperbaiki keadaan kampung-kampung baru dan juga untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk kampung-kampung baru.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan peruntukan-peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketiga telah dijawab beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, saya tidak berhajat untuk menambah apa-apa kepada jawapan-jawapan itu.

ZON PERDAGANGAN BEBAS SUNGAI WAY

32. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sebab-sebab yang melambatkan penyata kira-kira Zon Perdagangan Bebas Kampung Baru Sungai Way dari dibentangkan di Dewan Rakyat;

(b) samada beliau sedar tentang permintaan yang dibuat oleh majikan-majikan untuk menempatkan seorang Pegawai Kanan Kastam di Zon tersebut;

(c) samada beliau sedar tentang kekurangan kemudahan-kemudahan riadah dan perumahan untuk pekerja-pekerja di kawasan tersebut dan sama ada terdapat apa jua rancangan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut;

(d) samada beliau sedar tentang permintaan pekerja-pekerja yang tinggal di Kampung Baru Sungai Way untuk membuka sebuah lagi pintu gate tambahan untuk memudahkan mereka pergi bekerja kerana buat masa ini terdapat hanya sebuah pintu gate yang boleh digunakan dan ini pula menyulitkan mereka yang berjalan kaki.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Deraf Lapuran Tahunan bagi tahun 1973 dan 1974 yang telah disediakan oleh Pihak Berkuasa Zon Perdagangan Bebas Sungai Way iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, sedang dikaji oleh Perbendaharaan. Sebaik sahaja kajian itu telah selesai, Lapuran tersebut yang juga mengandungi Penyata Kira-kira akan dibentangkan ke Parlimen.

(b) Permintaan untuk menempatkan seorang Pegawai Kanan Kastam di Zon Perdagangan Bebas Sungai Way sedang ditimbangkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja bagi menentukan sejauh mana Pegawai Kanan Kastam itu diperlukan dengan mengambil perhatian semua faktor seperti jumlah penghantaran barang-barang dan masa Pegawai itu dikehendaki berada di situ. Perkara ini diperlukan kerana hendak menentukan supaya perkhidmatan Kastam itu digunakan sepenuhnya dan pada masa yang sama dapat memenuhi keperluan pengilang-pengilang di situ.

(c) Saya telah diberitahu bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sebagai pihak berkuasa Zon tersebut telah mengambil inisiatif untuk membina berhampiran dengan Zon itu 10 blok rumah pangsa 4 tingkat yang

mengandungi 400 yunit rumah, di mana setengah daripadanya akan diperuntukkan khas kepada pekerja-pekerja yang bekerja di Zon tersebut. Kemudahan riadah adalah disediakan oleh syarikat-syarikat di Zon tersebut umpamanya padang-padang bola sepak, bola jaring, bola tampar, pingpong dan wayang gambar percuma.

- (d) Permintaan untuk membuka sebuah lagi pintu di Zon tersebut untuk membolehkan pekerja-pekerja keluar masuk pada masa sebek sedang dikaji dengan teliti oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja kerana tambahan pintu keluar masuk itu akan menambahkan kakitangan dan perbelanjaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 14 dan 33 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).

MAJUIKAN MENGEKSPLOITASIKAN NELAYAN

5. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar bahawa kaum nelayan di Pulau Redang, Trengganu, telah menyuarakan rasa tidak puas hati mereka tentang rancangan MAJUIKAN sekarang; samada beliau sedar bahawa nelayan-nelayan ini bersungut bahawa MAJUIKAN telah mengeksploitasikan mereka dengan cara menawarkan mereka harga yang paling rendah bagi tangkapan mereka yang mana adalah berbeda dengan harga pasarannya, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk menghapuskan eksploitasi ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Saya sedar tentang rasa tidak puas hati yang disuarakan oleh kaum nelayan Pulau Redang mengenai projek MAJUIKAN di Pulau itu yang telah dilancarkan pada bulan September, 1974 dengan sejumlah 20 buah bot serbaguna. Perasaan tidak puas hati mereka ialah dari segi bentuk bot dan jenis pukut sungguhpun bot-bot dan pukut yang sama diterima dengan baik di tempat-tempat lain.

Disebabkan mereka enggan menerima bot-bot dan pukut-pukat itu, MAJUIKAN terpaksa menghentikan projek itu pada bulan April, 1975 iaitu selepas 8 bulan ianya dilancarkan. Sejumlah 5 buah dari bot-bot itu telah dipindahkan ke Pulau Pinang, 5 buah ke Kuala Pahang, 5 buah ke Tumpat, Kelantan dan 5 buah akan dihantar ke Pulau Pinang tidak lama lagi untuk menambah jumlah yang telah sedia dihantar ke situ. Walau bagaimanapun MAJUIKAN bersedia untuk menimbangkan supaya projek di Pulau Redang itu dibuka semula sekiranya nelayan-nelayan tersebut menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh untuk menjayakannya dan MAJUIKAN bersedia meminda bentuk bot dan pukut sesuai dengan kehendak mereka. Dalam tempoh 8 bulan rancangan itu dijalankan, saya tidak sedar tentang penindasan yang telah dilakukan mengenai harga ikan. Ikan-ikan yang telah didaratkan oleh peserta-peserta projek MAJUIKAN itu adalah dijual secara lelong. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum dalam sistem lelong, penawar yang tertinggi adalah berjaya.

PINJAMAN LUAR NEGERI

14. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Kewangan memandangkan bahawa Kerajaan kita telah menjadi penjamin kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun serta Badan-badan lain untuk pinjaman dari luar negeri, menyatakan:

- (a) jumlah jaminan-jaminan yang telah dipertanggung oleh Kerajaan mengenai perkara ini dalam ringgit Malaysia; dan
- (b) senaraikan Badan-badan yang mendapat pinjaman daripada jaminan Kerajaan ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):

- (a) Jumlah pinjaman luar negeri yang di-gerenti oleh Kerajaan Malaysia diperolehi (raised) oleh Badan-badan Berkanun sejak 1965 adalah sebanyak M\$774.1 juta dan lain-lain Badan sebanyak \$2,509.1 juta. Tiada pinjaman luar negeri diperolehi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

- (b) Badan-badan Berkanun yang memperoleh pinjaman-pinjaman yang di-gerenti oleh Kerajaan termasuklah Lembaga Letrik Negara, Lembaga Pelabuhan Sabah dan Keretapi Tanah Melayu. Badan-badan lain seperti Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (M.I.S.C.), Sistem Penerbangan Malaysia Bhd. (MAS) dan Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (M.I.D.F.) adalah juga Badan-badan Pertubuhan dan Syarikat-syarikat yang memperoleh pinjaman tersebut.

KILANG-KILANG PEMASANGAN KERETA

33. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan kilang-kilang pemasangan kereta di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) samada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan kilang-kilang pemasangan kereta di Sabah dan Sarawak bagi mengadakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dari kedua buah negeri tersebut dan dengan demikian masalah pengangguran dapat diatasi.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):

- (a) Di Semenanjung Malaysia sekarang ini terdapat 11 kilang pemasang kereta penumpang dan kereta perdagangan yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Dari jumlah ini 3 diluluskan hanya untuk memasang kereta perdagangan sahaja sementara yang lainnya diluluskan untuk memasang kedua-dua kereta penumpang dan kereta perdagangan.
- (b) Kerajaan telahpun meluluskan permohonan dua kilang pemasang kereta-kereta motor tiap-tiap satu di Sabah dan Sarawak pada bulan Januari, 1974. Kilang pemasang kereta di Sarawak yang dipunyai oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Sarawak telahpun memulakan pengeluaran sementara kilang pemasang kereta di Sabah yang dipunyai oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Sabah masih lagi di dalam peringkat pembinaan kilang.

PERSATUAN BELIA DI KAMPUNG-KAMPUNG BARU

34. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi menubuhkan Kelab-kelab Belia di 450 buah Kampung-kampung Baru di negara ini; dan
- (b) apakah galakan dan bantuan yang telah diberi oleh Kementerian kepada Belia-belia di Kampung-kampung Baru bagi membolehkan mereka menubuhkan kelab-kelab ini dan dapat menjalankan segala kegiatan-kegiatan yang berguna dengan jayanya.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad):

- (a) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengarah semua Pegawai-pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan di peringkat Negeri dan Daerah menggalak dan membantu belia-belia di Kampung-kampung Baru menubuhkan Persatuan-persatuan Belia. Untuk makluman Dewan ini bahawa sejumlah 193 buah Persatuan Belia telah ditubuhkan di antara 450 buah Kampung-kampung Baru di negara ini. Pada tahun 1973, 1974 dan 1975, seramai 850 orang pemimpin-pemimpin belia daripada kawasan Kampung-kampung Baru telahpun diberi latihan dalam bidang Pentadbiran dan Kepimpinan supaya membolehkan mereka memimpin dan mentadbirkan Persatuan-persatuan mereka dengan lebih berkesan. Pemimpin-pemimpin belia dari Kampung-kampung Baru juga diberi peluang untuk menyertai lawatan-lawatan sambil belajar untuk memerhatikan kemajuan dan pembangunan ekonomi negara yang ada di bandar-bandar besar dan bilangan peserta untuk lawatan sambil belajar ini pada tahun 1973 hingga 1975 ialah seramai 800 orang juga.
- (b) Pada tahun 1976, dalam usaha menggalakkan dan membantu belia-belia di Kampung-kampung Baru, satu rancangan khas akan dilaksanakan untuk mereka. 14 kursus pimpinan belia untuk 700 orang peserta akan diadakan dengan tujuan melatih pemimpin-pemimpin belia yang baru muncul di

Kampung-kampung Baru serta lawatan-lawatan sambil belajar akan juga diadakan bagi seramai 720 orang pemimpin-pemimpin belia itu. Untuk melengkapkan pemimpin-pemimpin belia itu dalam kecekapan menggunakan Bahasa Malaysia, Kementerian ini juga bercadang mengadakan Kursus Intensif untuk melatih belia-belia ini dan dijangka seramai 300 orang pemimpin-pemimpin belia dari Kampung-kampung Baru akan diberi peluang untuk menyertai kursus Bahasa ini.

Selain itu Kementerian ini juga ada memberikan lain-lain bantuan dalam lain-lain bentuk sumpama bantuan kewangan, alat-alat kegiatan belia dan sebagainya.

WILAYAH PERSEKUTUAN—PROJEK PEMBANGUNAN

35. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan projek-projek pembangunan tertentu yang akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan bagi tahun 1976.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Selain daripada projek-projek kecil yang dijalankan berterusan dari setahun kesetahun, projek-projek lainnya yang berjalan dalam tahun 1976 ini adalah seperti berikut:

1. *Projek-projek yang telahpun dimulai dan diteruskan dalam tahun 1976*

Boleh dikatakan kesemuanya adalah projek-projek perumahan awam yang akan menghasilkan 1,884 yunit rumah, khususnya untuk golongan yang berpendapatan rendah.

2. *Projek-projek yang akan dimulai dalam 1976 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga*

Projek-projek ini yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat termasuklah perumahan awam untuk menyediakan 5,476 yunit rumah, projek-projek yang berkaitan dengan trafik/lalulintas dan pembetulan (sewerage) dan projek-projek menyediakan kemudahan-kemudahan untuk orang ramai, yakni pembinaan satu

lagi Taman Bunga (Jalan Kuantan), Balai-balai Bomba (3 buah), Pasar Borong (di Utara) dan Dewan Serbaguna serta Kompleks Permainan/rekreasi.

DOKTOR DI JABATAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

36. Tuan Mohd. Bakri bin Rais minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang kekurangan doktor-doktor di Hospital Besar, Kuala Lumpur dan Ipoh contohnya di Jabatan Pemeriksaan Kesihatan. Jabatan ini terpaksa meminjam doktor-doktor Bahagian lain untuk menjalankan pemeriksaan, dan ini akan mendatangkan kesusahan bagi mereka yang baru ditawarkan pekerjaan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tidak. Di hospital-hospital yang disebutkan itu ada seorang doktor yang di-khaskan bertugas sepenuh masa untuk memeriksa kesihatan penuntut-penuntut dan calon-calon yang baru ditawarkan pekerjaan. Biasanya penuntut-penuntut dan calon-calon ini diberi satu tarikh yang ditetapkan untuk datang ke hospital bagi pemeriksaan tersebut. Pemeriksaan ini termasuklah pemeriksaan X-ray dada, air kecing dan mata dan ada kalanya mereka itu memerlukan penyiasatan lanjut atas air kencing, darah dan sebagainya. Hanya pada satu-satu ketika apabila ramai yang memerlukan pemeriksaan kesihatan dengan segera, barulah pihak pentadbiran hospital mengaturkan lain-lain pegawai tambahan untuk menjalankan pemeriksaan itu.

MINYAK PETROL/DISEL KENAikan HARGA

37. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan kenaikan harga minyak petrol dan disel. Adakah beliau sedar kenaikan harga tersebut akan menaikkan sara hidup (Cost of living) khasnya kepada si miskin di tanahair kita.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Dalam menimbangkan permohonan untuk mengkaji semula harga bahan-bahan keluaran petroliam daripada syarikat-syarikat minyak kerana kenaikan harga minyak mentah oleh negara-negara O.P.E.C., Kerajaan

adalah memberi pertimbangan kepada kesan-kesan sosio-ekonomi bagi kenaikan harga dan juga di sesuatu peringkat pengendalian yang dikehendaki oleh syarikat-syarikat minyak supaya selaras dengan kenaikan harga minyak mentah. Berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan inilah beberapa keputusan telah diambil melalui satu sistem dalam mana kenaikan-kenaikan yang tinggi sepatutnya dikenakan hanya kepada bahagian-bahagian tertentu yang boleh mengatasi dan diselaraskan dengan masalah kenaikan-kenaikan tersebut. Tambahan-tambahan duti sebanyak 11 sen tiap-tiap segelen bagi petrol jenis premium dan regular telah dikemukakan supaya membolehkan Kerajaan membantu mengatasi masalah kerugian dalam mengendalikan penjualan minyak tanah oleh syarikat-syarikat minyak. Mengenai kenaikan harga minyak disel, ini akan memberi penambahan kepada kos bahan tenaga bagi pemandu-pemandu teksi yang memperolehi bekalan-bekalan mereka daripada stesyen-stesyen minyak di dalam kadar pukulrata 60 sen sehari. Pemandu-pemandu kenderaan dan pelombong-pelombong bijih timah yang sebelumnya telah mendapatkan bekalan-bekalan disel mereka masing-masing secara harga "commercial" tidak perlu membayar lebih daripada 7 sen bagi tiap-tiap segelen dengan kenaikan-kenaikan harga disel tersebut.

BAYARAN PEMERIKSAAN X-RAY

38. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa bayaran-bayaran yang dikenakan bagi seseorang pesakit untuk menjalani peperiksaan X-ray, makmal perubatan atau lain-lain adalah tinggi sekarang dan pesakit-pesakit miskin tidak mampu untuk membayarnya, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang beliau akan ambil bagi mengurangkan bayaran ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Saya sedar bahawa terdapat beberapa rungutan di dalam surat-surat khabar mengenai kadar baru bayaran pemeriksaan X-ray. Kementerian saya sedang mengkaji rungutan-rungutan itu. Mengenai pesakit-pesakit miskin yang tidak mampu membuat bayaran-bayaran yang dikenakan, peruntukan ada dibuat di dalam Perintah tersebut membenarkan pegawai perubatan yang menjaga sesuatu kes mengecualikan

pesakitnya dari membayar sepenuhnya atau sebahagian daripada mana-mana bayaran yang dikenakan.

RANCANGAN TANAH FELDA

39. Datuk Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menerangkan:

- (1) jumlah pemohon-pemohon yang hendak menyertai rancangan tanah FELDA sejak ianya ditubuhkan hingga akhir tahun 1975;
- (2) jumlah pemohon-pemohon yang berjaya dalam temuduga;
- (3) jumlah pemohon-pemohon yang berjaya dan sekarang menjadi peserta;
- (4) jumlah pemohon-pemohon yang berjaya tetapi kemudian menolak tawaran menyertai FELDA;
- (5) jumlah baki pemohon-pemohon di dalam daftar yang masih belum ditemuduga; dan
- (6) jumlah pemohon yang tidak layak menyertai rancangan tanah FELDA.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):

- (1) Sejak Felda ditubuhkan hingga akhir 1975 Felda telah menerima sebanyak 101,487 permohonan untuk menjadi peserta.
- (2) Daripada sejumlah 101,487 permohonan, 66,008 pemohon telah berjaya.
- (3) Sehingga 29-2-76 jumlah peneroka dalam rancangan-rancangan Felda ialah 35,452 keluarga.
- (4) Seramai 10,868 calon peneroka telah menolak pelawaan/tidak melaporkan diri apabila dipanggil untuk memasuki rancangan.
- (5) Sehingga akhir 1975 semua permohonan yang telah diterima telahpun ditemuduga.
- (6) Pemohon-pemohon yang tidak berjaya berjumlah seramai 35,479.

PAKAIAN SERAGAM JURURAWAT HOSPITAL

40. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar

bahawa pakaian seragam jururawat-jururawat hospital tidak sesuai dengan ajaran Ugama Islam, dan jika sedar, adakah beliau akan menimbang menukarkan pakaian seragam jururawat-jururawat ini serupa dengan pakaian seragam jururawat-jururawat dalam filem "The Rookies".

Tan Sri Lee Siok Yew: Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kangar, sukacitalah saya memberitahu bahawa soalan yang sama telah saya jawabkan dalam Majlis yang mulia ini pada 14-4-1975.

BEKALAN LETRIK DI KELANTAN

41. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan bilangan dan nama kampung-kampung di luar bandar di Negeri Kelantan khususnya di Pasir Mas yang akan menekmati bekalan letrik dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga ini, serta tarikh tiap-tiap kampung yang berkenaan akan dibekalkan dengan letrik.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Bilangan dan nama kampung-kampung di dalam Negeri Kelantan yang dicadangkan akan diberi bekalan letrik luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah disediakan oleh pihak Majlis Tindakan Negeri Kelantan sendiri. Setakat ini Kementerian ini belum lagi menerima senarai cadangan projek-projek letrik luar bandar bagi Rancangan Malaysia Ketiga dari Negeri Kelantan.

PENGELUARAN HAKMILIK TANAH

42. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki lagi kecekapan di Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negara;
- (b) langkah-langkah yang diambil bagi menyegerakan pengeluaran hakmilik tanah; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk memberi lebih banyak lagi tanah kepada peladang-peladang bukan Melayu yang tidak bertanah.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Bagi menjawab pertanyaan mulut daripada Yang Berhormat ini saya nyatakan di bawah ini langkah-langkah yang diambil di dalam perkara-perkara yang disoalkan di sini:

(a) Berkenaan langkah-langkah untuk memperbaiki lagi kecekapan di pejabat-pejabat tanah di seluruh negara:

(i) Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan memberi nasihat kepada Pejabat-pejabat Tanah mengenai pelaksanaan undang-undang Kanun Tanah Negara dan undang-undang berkaitan dengannya di segi fahaman undang-undang tersebut, implikasi-implikasinya dan cara-cara perlaksanaannya;

(ii) Memberi nasihat melalui surat-surat pekeliling dan perjumpaan-perjumpaan (mesyuarat-mesyuarat) dengan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri yang di adakan sekerap-kerapnya satu kali tiap-tiap dua bulan, juga dengan lawatan-lawatan yang diperbuat oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian ke pejabat-pejabat Tanah di seluruh Semenanjung sebanyak tiga atau empat kali pada sebulan;

(iii) Mengadakan Bahagian Latihan di Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian untuk memberi latihan dari masa ke semasa kepada pegawai-pegawai tanah di seluruh Semenanjung Malaysia supaya mereka faham dan mahir di dalam undang-undang Pentadbiran Tanah;

(iv) Suatu seminar Pentadbiran Tanah Negara telah diadakan pada bulan September, 1973 dan perakuan-perakuannya sedang diambil tindakan melalui satu Pasukan Petugas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Di antara ahli-ahli Pasukan itu ialah Ketua Pengarah Tanah dan Galian atau wakilnya, wakil

Bahagian Penyelarasan, Perlaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran (I.C.D.A.U.), wakil Jabatan Perkhidmatan Awam dan wakil Perbendaharaan;

- (v) Pindaan kepada Kanun Tanah Negara dan undang-undang berkaitan dengan pentadbiran tanah selalu diperbuat untuk disesuaikan dengan perjalanan pentadbiran tanah apabila adanya perubahan dasar dari masa ke semasa atau menentukan cara-cara yang dianggap lebih kemas lagi untuk melicinkan pelaksanaan pentadbiran tanah;
 - (vi) Ada juga Pasukan Petugas di Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian yang bertugas untuk memberi bantuan secara terus kepada Pentadbiran Tanah di peringkat negeri dan daerah yang memerlukan bantuan. Sebagai contoh, sekiranya didapati ada kelemahan di sesuatu segi kerja di sesuatu Pejabat Tanah umpamanya kerja pendaftaran atau pemberian harta pusaka kecil, atau kutipan hasil dan sebagainya, seorang atau dua daripada ahli Pasukan Petugas ini akan memberi bantuan untuk mengatasi kerumitan atau kelambatan yang dialami oleh Pejabat Tanah tersebut itu.
- (b) Berkenaan langkah-langkah yang diambil bagi menyegerakan pengeluaran hak milik tanah:
- (i) Mengikut Seksyen-seksyen Kecil (3) Kanun Tanah Negara, tiap-tiap tanah yang diluluskan kepada seseorang itu mungkin dikeluarkan suratan hakmilik sementara atau Qualified Title yang mana tuan tanah tersebut hendaklah membuat permintaan untuk mendapat Surat Hakmilik Sementara itu di dalam suatu tempoh yang ditetapkan dan sekiranya tuan tanah itu tidak membuat permohonan di dalam tempoh yang ditetapkan itu, maka pihak Berkuasa Negeri bolehlah membatalkan kelulusan yang telah diberikan kepadanya

itu. Pada praktiknya apabila seseorang pemohon itu diluluskan sekeping tanah, Pejabat Tanah akan mengambil tindakan memberi notis kepada si pemohon itu dengan menggunakan Borang 5A Kanun Tanah Negara supaya membayar cukai tanah, harga tanah (premium), harga upah ukur, harga batu sempadan dan juga bayaran bagi penyediaan Surat Hakmilik. Bersama dengan notis ini Pejabat Tanah tersebut akan juga memaklumkan supaya pemohon itu membuat permohonan untuk mendapat Surat Hakmilik Sementara (Qualified Title) dengan contoh surat permohonan itu dikepilkan bersama-sama.

- (ii) Pihak Kementerian saya tidak dapat sekarang ini memberi maklumat berapakah pengeluaran hakmilik yang boleh diselesaikan pada keseluruhannya tetapi di mana didapati pengeluaran hakmilik itu terlambat, itu adalah disebabkan oleh banyaknya bilangan Suratan Hakmilik (Qualified Title) yang hendak disediakan dibandingkan dengan bilangan pegawai ditugaskan untuk menguruskan perkara ini. Maka jelaslah keadaan semacam ini melibatkan soal kekurangan kakitangan. Jika dikehendaki; butir-butir berkenaan kedudukan perkara ini boleh didapati tetapi akan mengambil masa.
- (c) Berkenaan langkah-langkah yang diambil untuk memberi lebih banyak lagi tanah kepada peladang-peladang bukan Melayu yang tidak bertanah, pada pendapat saya peladang-peladang yang tidak bertanah boleh membuat permohonan untuk mendapatkan tanah tidak mengira bangsa atau agama. Dengan itu orang yang bukan Melayu pun berhak memiliki tanah untuk berladang. Walau bagaimanapun, adalah menjadi peraturan pemberian tanah bahawa tiap-tiap pemohon itu dikaji dan diperiksa di beberapa segi umpamanya ketiadaan tanah, umur, kebolehan, pengalaman pertanian, bilangan keluarga dan sebagainya. Ini

berertilah sesuatu permohonan ditimbangkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Tanah di atas "merit" tiap-tiap permohonan. Sekiranya mengikut bancia orang-orang Melayu lebih ramai mendapat tanah daripada orang-orang bukan Melayu, ini adalah disebabkan oleh lebih ramainya orang-orang Melayu yang tinggal di luar bandar yang kebanyakannya kaum tani.

MILIK PAJAKAN TANAH KEPADA PENGHUNI

43. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar sebuah rumah bernombor 153, Kg. Baru, Bali, Tronoh, Perak, telah didirikan di atas tanah Kerajaan atas sokongan yang diberi oleh seorang pemimpin M.C.A. Perak dan walaupun pihak Kerajaan Negeri Perak sedar tentang perkara ini mereka membisu; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil terhadap penghuni tersebut.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Lot yang diduduki oleh penghuni tersebut ialah satu daripada Lot di dalam suatu rancangan perumahan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Perak. Permohonan telah dibuat oleh penghuni tersebut dan telah diluluskan kepadanya dengan pengeluaran suatu surat milik pajakan tanah (Lease of State Land) selama 30 tahun mulai daripada 10-10-1966.

PEMBELIAN KAPALTERBANG DARI NORTHROP/LOCKHEED

44. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar minta Perdana Menteri menyatakan samada:

- (a) dalam pembelian kapal terbang-kapal terbang untuk kegunaan negara kita daripada Syarikat Lockheed Corporation, Syarikat Boeing dan Northrop telah melibatkan apa-apa bayaran rasuah kepada pegawai-pegawai kita yang mengusahakan pembelian ini daripada syarikat-syarikat yang tersebut di atas, kiranya ada, berapa dan kepada siapa telah dibayar; dan
- (b) kapal terbang-kapal terbang jenis yang sama telah dijual dengan harga yang lebih mahal atau lebih murah oleh

syarikat-syarikat yang tersebut di atas kepada negara-negara lain, kiranya ada, apakah pandangan Kerajaan dalam perkara ini.

Perdana Menteri:

- (a) Saya tidak sedar tentang berlakunya apa-apa bayaran kepada pegawai-pegawai yang menguruskan pembelian kapal terbang-kapal terbang jenis F5 dan C130 daripada Syarikat-syarikat Northrop dan Lockheed. Walau bagaimanapun oleh kerana adanya tuduhan kecurangan dalam perkara ini pihak Biro Siasatan Negara telahpun diminta menjalankan penyiasatan.
- (b) Oleh sebab harga kapal terbang yang dijual kepada sebuah negara itu bergantung kepada alat-alat kelengkapan "avionics" dan lain-lainnya yang dipasangkan kepada kapal terbang-kapal terbang itu maka tidaklah dapat dibuat bandingan untuk mengetahui samada kita telah membeli dengan harga yang lebih murah atau lebih mahal daripada negara-negara ini.

JALAN PENGHANTAR (FEEDER ROADS) DI SARAWAK

45. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membina lebih banyak jalan-jalan penghantar untuk memperbaiki perhubungan di Sarawak.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Sebahagian besar jalan-jalan penghantar telah dirancang dan telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua. Setengah-tengah daripada jalan-jalan ini telah disiapkan dalam tempoh Rancangan dan pembinaan jalan-jalan penghantar yang lain akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Selain daripada jalan-jalan penghantar ini, Kerajaan Negeri Sarawak juga membina jalan-jalan pembangunan yang telah dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan lebih banyak jalan-jalan baru yang lain akan dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Jalan-jalan ini adalah dibina untuk memberi kemudahan perhubungan kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan pembukaan tanah dan pertanian.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti akan dapat dilihat lebih banyak lagi jalan-jalan penghantar dan pembangunan akan dibinakan di seluruh negeri Sarawak dan adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membina rangkaian jalan-jalan tersebut keseluruhan negeri untuk memenohi kehendak rakyat.

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1975

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 18 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini adalah bertujuan untuk:

- (i) mengenakan duti impot sebanyak 25% ad valorem atau \$250 setan, yang mana lebih tinggi, ke atas "PVC Resins and PVC Compounds" di bawah Kepala Tarif 39.02 320,
- (ii) mengenakan duti impot sebanyak 25% ad valorem atau 75 sen segelen, yang mana lebih tinggi, ke atas "bituminous mixtures" di bawah Nombor Kepala Tarif 27.16 000, dan
- (iii) mengenakan duti impot sebanyak 25% ad valorem atau \$1.50 satu, yang mana lebih tinggi, ke atas "air filters" dan "oil filters" di bawah Nombor Kepala Tarif baru iaitu 84.18 190 dan duti impot sebanyak 25% ad valorem ke atas bahagian-bahagian "air filters" dan "oil filters" tersebut.

Duti-duti yang dikenakan adalah merupakan langkah perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-seksyen (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 18 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1975

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 19 tahun 1976 disahkan.

Tujuan perintah ini adalah sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1975, yang baharu sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 9), 1975 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 19 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam

Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 20 Tahun 1976 disahkan.

Perintah ini ialah bertujuan untuk menaikkan duti-duti impot ke atas minyak petrol premium dan regular sebanyak 11 sen segelen kepada \$1.51 segelen. Perintah ini juga bertujuan untuk mengenakan duti impot sebanyak 1 sen segelen ke atas minyak tanah. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, hasil daripada permohonan syarikat-syarikat minyak, Kerajaan, seperti mana yang telah diumumkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada 17hb Februari, 1976, telah bersejua membenarkan kenaikan harga ke atas minyak petrol, iaitu premium dan regular, minyak tanah dan minyak disel supaya syarikat-syarikat itu tidak mengalami kerugian akibat kenaikan kos minyak mentah. Dengan tujuan hendak mengekalkan harga minyak tanah sebanyak 81 sen tidak termasuk duti, adalah difikirkan perlu dinaikkan duti-duti ke atas minyak petrol iaitu regular dan premium sebanyak 11 sen dan digunakan hasil dari tambahan duti-duti itu untuk membayar syarikat-syarikat minyak yang akan mengalami kerugian atas penjualan minyak tanah kepada pengguna-pengguna rumahtangga (domestic consumers). Duti nominal sebanyak 1 sen yang dikenakan ke atas minyak tanah itu adalah bertujuan cuma untuk menaklukkan minyak itu di bawah kawalan kastam kerana sebelum itu minyak tanah tidak dikenakan duti. Dengan cara ini, tuntutan yang dibuat oleh syarikat-syarikat minyak atas kerugiannya dalam jualan minyak tanah itu dapat ditentukan dan disahkan dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1976 yang telah

dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 20 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 147 Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas undang-undang No. ST. 21 Tahun 1976 disahkan.

Tujuan perintah ini adalah serupa dengan tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1976 yang baharu sahaja diluluskan oleh Dewan ini melainkan ia dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 21 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7 Akta Eksais 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 22 Tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk menaikkan duti-duti eksais ke atas minyak petrol premium dan regular sebanyak 11 sen kepada \$1.41 segelen, dan mengenakan duti eksais sebanyak 1 sen segelen ke atas minyak tanah. Sebab-sebab langkah ini diambil adalah sama seperti yang telah dinyatakan mengenai Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1976 yang telah diluluskan oleh Dewan ini.

Selain daripada mencapai tujuan tersebut tadi, perintah ini juga bertujuan untuk membahagikan kod eksais bagi minyak petrol kepada dua kod berasingan, satu bagi minyak petrol premium dan satu lagi bagi minyak petrol regular. Ini akan menyamakan kod eksais dengan kod impot bagi kedua-dua jenis minyak itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 22 tahun 1976 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais 1961 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 23 Tahun 1976 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah untuk meminda Perintah Duti Eksais 1965 akibat pemecahan kod eksais bagi minyak petrol kepada minyak premium dan regular di bawah Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1976, yang

telah diluluskan oleh Majlis ini, bagi maksud pembayaran duti. Perintah Duti Eksais, 1965 hanya mengandungi peruntukan bagi 16 jenis minyak petrol bagi maksud pembayaran duti. Pemecahan kod eksais itu telah menyebabkan bertambahnya satu lagi butiran di bawah Kumpulan Petrol dan keluaran-keluaran Petrol yang mana perlu dimasukkan dalam Jadual kepada Perintah Duti Eksais, 1965.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 23 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 24 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk:

- (a) menaikkan duti impot dari 10% ad valorem kepada 25% ad valorem ke atas "elastic braid" dan "webbings" di bawah Nombor Kepala Tarif 59.13 000,
- (b) mengenakan duti impot sebanyak 25% ad valorem ke atas bahan-bahan "friction" untuk "disc pads" dan "bonded brake shoes" termasuk juga "brake linings" di bawah Kepala Tarif 68.14 000 serta mengadakan Kepala Tarif baru iaitu 87.06 950 khusus untuk

"disc pads" dan "bonded brake shoes" dan duti impot sebanyak 25% ad valorem ke atasnya dikekalkan,

- (c) mengenakan duti impot sebanyak 30% ad valorem atau 30 sen tiap-tiap satu, yang mana lebih tinggi, ke atas "hacksaw blades" di bawah Kepala Tarif baru iaitu 82.02 250.

Duti-duti ini adalah merupakan langkah-langkah untuk melindungi perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 24 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 25 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengeluarkan kadar Tarif Bersama (Federation Common Tariff) Nombor-nombor Kepala Tarif 34.02 709 dan 34.02 799 dan mengenakan kadar tarif yang bersamaan secara berasingan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ianya adalah untuk membolehkan barang-barang di bawah Kepala Tarif tersebut, iaitu serbuk-serbuk sabun, yang berduti eksais dibawa dari Semenanjung

Malaysia ke Sabah dan Sarawak atau sebaliknya, dengan dikenakan duti impot pada kadar yang sama dengan duti eksais.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 25 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil keputusan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 26 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini adalah untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) Menaikkan kadar duti impot dari 10% ad valorem kepada 25% ad valorem ke atas "pistons" dan "cylinder liners" di bawah Kepala Tarif 84.06 292 dan 84.06 392. Ianya merupakan langkah untuk memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan.
- (ii) Mengurangkan duti impot ke atas "electric accumulators" seperti berikut:
 - (a) di bawah Kepala Tarif 85.04 130 dari 70% ad valorem atau 60 sen sepaiun, yang mana lebih tinggi, kepada 30% ad valorem atau 25 sen sepaiun, yang mana lebih tinggi;

- (b) di bawah Kepala Tarif 85.04 190 dari 60% ad valorem atau 50 sen sepaun, yang mana lebih tinggi, kepada 20% ad valorem atau 25 sen sepaun, yang mana lebih tinggi;
- (c) di bawah Kepala Tarif 85.04 920 dari 60% ad valorem atau \$5 satu, yang mana lebih tinggi, kepada 20% ad valorem atau \$5 satu yang mana lebih tinggi;
- (d) di bawah Kepala Tariff 85.04 990 dari 50% ad valorem atau 50 sen sepaun, yang mana lebih tinggi, kepada 20% ad valorem atau 25 sen sepaun, yang mana lebih tinggi;
- (e) bagaimanapun kadar duti impot ke atas "electric accumulators" di bawah Kepala-kepala Tarif 85.04 110, 85.04 800 dan 85.04 910 adalah dikekalkan.

"Electric accumulators" adalah tertakluk kepada duti perlindungan semenjak tahun 1960 lagi, untuk membantu perusahaan tempatan. Sekarang didapati perusahaan ini telah berkembang, adalah dirasakan bahawa perlindungan yang diberikan itu tidaklah perlu diteruskan pada paras yang tinggi itu. Dengan ini perlindungan yang telah diberikan itu perlulah dikurangkan seperti yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 26 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 27 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengenakan duti impot sebanyak 35% ad valorem ke atas "cartridge fuses" di bawah Kepala Tarif 85.19 510. Duti yang dikenakan ini merupakan duti perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 27 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 28 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk mengadakan Nombor Kepala Tarif yang berasingan iaitu 20.12 120 bagi "mushrooms" dan mengekalkan duti impot sebanyak 25% ke atasnya.

Nombor Kepala Tarif yang berasingan diperlukan untuk pentadbiran perlesenan impot yang dikenakan ke atas "mushrooms". Ini adalah satu langkah perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 6), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 28 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
(No. 2), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 29 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini dibuat untuk melanjutkan ke Pulau Pinang;

- (a) duti impot sebanyak 25% ad valorem ke atas bahan-bahan "friction" untuk "disc pads" dan "bonded brake shoes" (termasuk juga "brake linings") di bawah Kepala Tarif 68.14 000,
- (b) duti impot sebanyak 25% ad valorem ke atas "disc pads" dan "bonded brake shoes" di bawah Kepala Tarif 87.06 950, dan
- (c) duti impot sebanyak 30% ad valorem atau 30 sen tiap-tiap satu, yang mana lebih tinggi, ke atas "hacksaw blades" di bawah Kepala Tarif 82.02 250.

Tujuannya adalah sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2), 1976 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 2), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 29 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan)
(No. 3), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 30 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5), 1976 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah

Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 3), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 30 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 4), 1976, yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 31 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan melanjutkan ke Pulau Pinang:

- (a) pengenaan duti impot 25% ad valorem ke atas "mushrooms" di bawah Nombor Kepala Tarif baru 20.02 120, dan
- (b) pengenaan duti-duti impot sebanyak 25% ad valorem ke atas "wall coverings" di bawah Kepala-kepala Tarif 39.01 919, 39.02 919, 39.03 340 dan sebanyak 15% ad valorem ke atas "wall coverings" di bawah Kepala Tarif 48.11 000.

Duti-duti ini adalah merupakan duti-duti perlindungan untuk membantu perusahaan-perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No 4), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 31 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1976 (No. 7), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 32 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk:

- (a) menaikkan duti impot dari 20% ad valorem atau \$50 satu yang mana lebih tinggi, kepada 20% ad valorem atau \$70 satu, yang mana lebih tinggi, ke atas "domestic sewing machine" di bawah Kepala Tarif 84.41 110; dan
- (b) menaikkan duti impot ke atas "transmission chains for pedal cycles" di bawah Kepala Tarif 73.29 100 dari 5 sen sekaki panjang, kepada 25 sen sekaki panjang di Sabah dan Sarawak. Kenaikan ini menjadikan ianya sama dengan yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan dengan ini meletakkan "transmission chains for pedal cycles" di bawah Tarif Bersama (Federation Common Tariff).

Kenaikan duti-duti ini adalah untuk memberi perlindungan yang sesuai bagi membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 7), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 32 tahun 1976 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1975) (TAMBAHAN) (BIL. 2), 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

4.06 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1975 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibaca bagi kali yang kedua.

Fasal 2 Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sebanyak \$79,647,271 bagi perkhidmatan tahun 1975, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus, 1975 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1975.

Dalam Tambahan ini, sebanyak \$2,034,000 dikehendaki untuk menambah belanja mengurus Parlimen dan untuk membiayai tambahan elaun Ahli-ahli Parlimen berikutan dengan pindaan Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen 1960; \$40.4 juta untuk menambah belanja mengurus berbagai Agensi Kerajaan; \$6,676,606 dikehendaki di bawah Perkhidmatan Rahsia; \$13 juta untuk diperuntukkan kepada Kumpulanwang Cadangan untuk Negeri bagi membolehkan pendahuluan diberikan kepada Negeri-negeri yang kekurangan wang iaitu Trengganu (\$10 juta) dan Kedah (\$3 juta) bagi membiayai belanja mengurus mereka dalam tahun 1975; \$10 juta bagi menambah Kumpulanwang Pinjaman Perumahan; \$6.2 juta dikehendaki sebagai tambahan kepada Kumpulanwang Pendahuluan Kenderaan berikutan dengan bertambahnya bilangan pendahuluan-pendahuluan yang telah diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen. Yang lainnya adalah kecil jumlahnya dan diterangkan dengan lanjut dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 tahun 1976.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis yang berbunyi:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$82,442,203 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1975, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 3 tahun 1976, diuntukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentang dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan-kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua, 1975 menunjukkan tambahan sebanyak \$82,442,203 yang dikehendaki selain daripada peruntukan yang telah diluluskan dalam Anggaran Pembangunan, 1975 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1975. Dari jumlah \$82,442,203 ini, sebanyak \$52,105,040 merupakan perbelanjaan pinjaman.

Butiran perbelanjaan yang terbesar ialah mengenai Kepala P. 31—Kementerian Penyelesaian Perbadanan Awam yang memerlukan peruntukan sebanyak \$27,908,550 yang mana sebanyak \$26,500,010 dari peruntukan ini merupakan perbelanjaan pinjaman. Dari peruntukan \$27,908,550 ini, sebanyak \$1,408,540 dikehendaki untuk menambah pelaburan ekuiti Kerajaan dalam Bank Bumiputra; \$25 juta dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan membiayai kos projek-projek pembangunan Angkasa Perdana di Negeri itu; \$1.5 juta dikehendaki sebagai pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pahang bagi membiayai projek hotel di Bukit Fraser dan satu peruntukan tanda sebanyak \$10 dikehendaki untuk membolehkan pindah peruntukan sebanyak \$9 juta dibuat bagi Perbadanan Pembangunan Bandar. Butiran perbelanjaan terbesar yang lain ialah di bawah Kepala P. 26—Perbendaharaan yang memerlukan peruntukan sebanyak \$21,150,000 sebagai pinjaman. Dari jumlah ini, sebanyak

\$20 juta dikehendaki oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk pembangunan ibu negeri yang baharu di Shah Alam manakala peruntukan sebanyak \$1,150,000 dikehendaki oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk membiayai penyertaan bersama Syarikat Permodalan dan Perusahaan Pahang Berhad dalam Mieco Chipboard Company Sendirian Berhad. Lagi satu perbelanjaan yang besar ialah mengenai Kepala P. 23—Kementerian Pelajaran yang memerlukan peruntukan sebanyak \$15 juta untuk membiayai pembayaran kontrek bagi pembinaan Universiti Kebangsaan di Bangi, Selangor.

Butir-butir selanjutnya mengenai Anggaran Tambahan ini adalah diberikan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat berhubung dengan membahaskan usul kedua-dua ini, iaitu hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya dua hari mengikut Peraturan Mesyuarat 67 (7) (a):

“(7) (a) Hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya dua hari bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan serta Anggaran Pembangunan Tambahan. Tuan Yang di-Pertua boleh menguntukkan masa yang sehabis-habis lama yang boleh dibenarkan bagi mana-mana kepala dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan. Jika telah habis masa yang diuntukkan bagi apa-apa kepala sebelum tamat perbincangan atas kepala itu, maka Pengerusi akan mengemukakan dengan serta-merta apa-apa masalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas kepala itu.”

Di sini saya memperuntukkan satu hari iaitu hari ini dan oleh sebab masa ini tadi sudah diambil untuk membahaskan 15 usul dan kalau pihak Kerajaan bercadang disambung perbahasan ini pada malam ini, sekiranya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat

yang hendak bercakap. Tetapi saya benarkan satu hari untuk membahaskan perkara-perkara am, dan dua hari dalam Jawatankuasa yang akan bermula daripada esok. Sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.15 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian di dalam membahaskan anggaran wang tambahan yang dikehendaki oleh Kerajaan dan usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan wang tambahan yang kedua. Untuk ordinary expenditure wang yang dikehendaki oleh Kerajaan ialah \$136 juta lebih. Tetapi wang tambahan yang pertama yang diluluskan di dalam Dewan ini ialah \$254,962,187. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, wang yang diperuntukkan sebagai wang tambahan untuk ordinary expenditure ialah \$391 juta lebih.

Untuk wang pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, wang tambahan yang pertama ialah \$81 juta lebih. Yang dikehendaki sekarang ialah \$80 juta lebih. Jumlahnya \$163 juta lebih yang dikehendaki oleh Kerajaan. Kedua-dua perbelanjaan ini jumlahnya ialah \$554 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita memandang kepada Budget yang diluluskan oleh Dewan ini untuk ordinary expenditure \$391 juta ini melebihi; saya tidak ada siasat, tetapi pada pendapat saya melebihi 10% yang diperuntukkan oleh Dewan ini apabila kita membahaskan dan meluluskan Budget untuk tahun 1975 dan wang pembangunan berjumlah \$163 juta. Saya sedar bahawa Dewan ini telah meluluskan hampir \$2,000 juta untuk pembangunan bagi tahun 1975. Tetapi kalau kira-kira telah dibuat untuk tahun 1975, pada pendapat saya Kerajaan tidak boleh belanja lebih daripada \$1,500 juta. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, yang dikehendaki oleh Kerajaan melalui wang tambahan lebih daripada 10% tentang apa yang dibelanjakan untuk tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu membantah tentang perbelanjaan wang tambahan berjumlah \$554 juta. Tetapi saya berharap Kerajaan Pusat akan mengambil perhatian di dalam zaman inflasi yang ada sekarang ini, Kerajaan mesti menjaga dengan

telitinya apa-apa perbelanjaan yang diperlukan. Dan saya akan memberi satu dua contoh yang pada pendapat saya Kerajaan telah membazirkan wang rakyat di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh ialah kekurangan butir-butir yang lengkap. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan di dalam ucapannya mengatakan butir-butir yang lanjut boleh didapati di Treasury Memorandum, malangnya saya telah membaca dengan teliti dan saya ingin menarik perhatian beliau, umpamanya, di dalam Treasury Memorandum No. 2 Tahun 1976 muka surat 12. Apa yang dikehendaki oleh Kerajaan ialah lebih daripada \$12 juta tetapi keterangan yang diberikan oleh Kerajaan atau Treasury Memorandum:

“Tambahan sebanyak \$12,531,166 adalah dikehendaki bagi menambah belanja mengurus Kementerian ini oleh kerana peruntukan yang disediakan sebanyak \$30,747,150 telah didapati tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan-perbelanjaan dalam tahun 1975.”

Inilah, keterangan yang diberi. Keterangan apakah ini? Saya baca semua ini, semua peruntukan yang diberi itu tidak mencukupi, tetapi keterangan tidak ada langsung. Kalau dibandingkan dengan Treasury Memorandum untuk Perbelanjaan Pembangunan, ada sedikit-sebanyak keterangan yang boleh guide us tentang perbelanjaan yang dikehendaki oleh Kerajaan. Saya berharap, Menteri Kewangan—malangnya tidak ada di sini, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan belum boleh beliau menyatakan butir-butir lanjut yang telah diberi di dalam Treasury Memorandum itu, baca dengan telitinya apa-apa keterangan yang diberi dalam Treasury Memorandum dan diharapkan beliau mengarahkan pegawai-pegawai yang tertentu benar-benar memberi butir-butir yang lengkap dan sesuai kepada Dewan ini, janganlah mengatakan tidak mencukupi dan oleh kerana itu kita berkehendakkan wang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Treasury Memorandum ini tentang Perbelanjaan Mengurus Tambahan, muka surat 4. Apa yang dikehendaki oleh Kerajaan ialah \$34.7 juta dan sebanyak \$26.7 juta merupakan pemberian kepada Sabah. Ini saya hendak

menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, adakah beliau atau Kementerian Kewangan sedar, Negeri Sabah telah diberi beras sebanyak \$9 juta dalam tahun 1975 tetapi malangnya dibayar oleh L.P.N. cuma \$1 juta sahaja. Ini bermakna, Kerajaan Negeri Sabah berhutang kepada L.P.N. sebanyak \$8 juta. Bolehkah di dalam peruntukan \$26.7 juta yang akan diberi kepada Kerajaan Sabah, Perbendaharaan boleh memotong \$8 juta yang Sabah ada berhutang dan diberikan wang sebanyak \$8 juta itu kepada L.P.N. Ini cadangan saya oleh kerana saya baharu sahaja balik caripada Sabah dan diberi tahu hutang ini ialah hutang Kerajaan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang “a tale of two cars”. Di dalam muka surat 9 ada satu peruntukan sebanyak \$20,000 pembelian sebuah kereta kepada seorang Hakim. Di dalam muka surat 23 ada satu peruntukan lagi sebanyak \$33,025 untuk Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, mengapakah bezanya begitu banyak antara seorang Hakim dengan seorang Menteri. Di dalam zaman inflasi sekarang ini, mengapakah Kerajaan masih membeli kereta yang begitu mahal kepada sesiapa pun walaupun Menteri ataupun pegawai tinggi Kerajaan. Saya berpendapat, sekarang untuk keselamatan Menteri sendiri keretanya janganlah lagi memakai bendera dan plate Menteri dibuka. Kalau Menteri menggunakan kereta yang paling besar dan mahal itu menunjukkan kereta Menteri dan barangkali kena tembak. Kalau sekiranya Kerajaan memberikan sebuah kereta dengan harga sebanyak \$15,000 umpamanya ini kereta biasa sahaja dan barangkali tidak boleh dikecualikan dan orang ramai mengatakan itu kereta Menteri. Dan juga, mengapakah Kerajaan sentiasa membelanjakan begitu banyak wang untuk the privileged few. Saya berharaplah Kerajaan Pusat akan mengambil perhatian dan kalau sekiranya semua hendak membeli kereta janganlah bezanya begitu besar. Sebuah kereta harganya \$20,000 dan satu lagi \$33,000 lebih. Kerajaan sentiasa menyeru rakyat mengikat tali pinggang, tetapi nampaknya Menteri dan pegawai-pegawai tinggi itu tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di dalam peruntukan sebanyak \$42 juta yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk Anggaran

Pembangunan, sebanyak \$15 juta diuntukkan bagi pembinaan Universiti Kebangsaan di Bangi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang ber-setuju dan menyokong sepenuhnya dengan pembinaan Universiti Kebangsaan dan saya hendak bertanya apakah salahnya dengan Universiti Kebangsaan kita di Bangi mahupun Universiti Malaya ataupun universiti lain yang mana anak-anak Menteri kita tidak dihantar ke universiti-universiti tersebut, tetapi anak-anaknya dihantar keluar negeri seperti Chemsford, Oxford, Birmingham, Melbourne, Sydney dan sebagainya. Apakah salah sistem sekolah kita walaupun sekolah rendah atau sekolah menengah atau di universiti-universiti masing-masing manakala anak-anak pegawai-pegawai tinggi dan, khasnya Menteri-menteri menghantar anak-anaknya bukan ke universiti atau sekolah kita, tetapi menghantar anak-anak mereka keluar negeri. Apakah yang tidak sesuai dalam sistem pelajaran ini dan yang timbul Menteri-menteri kita tidak percayai tentang pelajaran yang diberi di dalam tanahair kita sedangkan Menteri-menteri, termasuk Menteri Pelajaran sendiri, malangnya beliau tidak ada di sini, anak beliau ada yang belajar di England, Menteri-menteri lain pun menyuruh rakyat jelata di tanahair kita percayailah pelajaran di tanahair kita, janganlah khuatir, qualitinya kita akan menjaga dan membela tetapi mereka menghantar anak-anaknya keluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya nyatakan pembaziran wang rakyat jelata. Satu contohnya yang boleh didapati di dalam peruntukan sebanyak \$2,937,576 untuk kediaman duta Malaysia di Jeddah. Mengapakah kita hendak berbelanja hampir \$3 juta untuk satu tempat kediaman? Kita memang tidak boleh mengikut apa yang boleh dibelanjakan oleh raja-raja di Saudi Arabia sebab mereka ada berbilion-bilion ringgit, tetapi kita sebagai sebuah negara yang dikatakan developing tidak perlu mengikut apa yang dibuat oleh mereka. Saya tidak membantah tentang pembinaan kediaman duta kita di Jeddah tetapi saya hendak bertanya mengapakah kita mesti menguntukkan hampir \$3 juta untuk satu orang walaupun beliau ialah seorang duta. Saya berharap Kerajaan mesti menjaga dengan telitinya dan menyiasat dengan mendalamnya sebelum Kerajaan meluluskan peruntukan yang bukan

sahaja untuk kediaman seorang duta tetapi tentang apa-apa perbelanjaan yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Perhubungan ialah

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, pada peringkat ini, kita membahaskan berkenaan dengan dasar. Sungguhpun Ahli Yang Berhormat boleh memetikkan satu-satu perkara, tetapi untuk sebagai membantu Ahli Yang Berhormat bercakap atas dasar sahaja. Sila!

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak menutup ucapan saya. Saya memang sedar kita bercakap tentang dasar, tetapi kita tidak boleh bercakap "de novo in a vacuum". Saya mesti sentuh sedikit-sebanyak tentang apa yang dikehendaki.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Itu boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Apa yang perlu dibuat oleh Kementerian Perhubungan ialah kita mesti merobohkan atau meruntuhkan semua rumah-rumah di Sentul Pasar untuk kakitangan keretapi di sana. Di dalam masa pertanyaan untuk jawab mulut saya tengok ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat menyentuh keadaan yang dahsyat dan buruk, dan saya hendak menyatakan, izinkan saya, Tuan, bercakap dalam bahasa Inggeris. The conditions of housing for the Railway workers in Sentul are a disgrace to this nation. Horses in this country are kept under air-condition. The conditions there are disgraceful. Saya tidak menyatakan Menteri Perhubungan tidak sedar dan beliau tidak mengambil perhatian. Saya telah berhubung dengan beliau dan beliau telah menyatakan akan membuat apa yang boleh di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Yang saya hendak menarik perhatian Dewan ini ialah untuk memperbaiki keadaan yang begitu buruk antara kakitangan keretapi di sini Kerajaan perlu membuat satu rancangan merobohkan kediaman pekerja-pekerja keretapi di Sentul Pasar dan mengadakan satu rancangan perumahan di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga supaya kakitangan keretapi di Sentul Pasar boleh menginap di dalam sebuah rumah yang lengkap, bersih dan mereka boleh berpuas

hati atau di dalam bahasa Inggeris, the workers of Sentul can look forward to a better and fairer living conditions in Sentul.

4.38 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berucap dengan secara pendek atas Akta Perbekalan Tambahan (1975).

Yang pertama, saya ingin merojok kepada Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya dan juga kepada Kertas Perintah 2 Tahun 1976 di mana satu tambahan sebanyak \$35 juta telah dikehendaki bagi pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah perkara ini saya rasa amat kesal bahawa sehingga sekarang Suruhanjaya Pilihanraya pun belum lagi bersedia mengerjakan satu sistem yang lebih berkesan mengenai pendaftaran pengundi-pengundi. Sistem sekarang iaitu tempoh selama satu bulan yang dihadkan untuk pendaftaran pengundi-pengundi sebagaimana yang diamalkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya adalah tidak memuaskan langsung kepada orang ramai terutamanya pengundi-pengundi yang layak didaftarkan. Ini adalah disebabkan oleh sistem yang ada sekarang ini tidak dapat mendaftar pengundi-pengundi dengan maksimanya. Kami dari pihak Pembangkang telah beberapa kali pada masa yang lalu membangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, kami perhatikan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya memang degil dan tidak mahu mendengar dan menerima cadangan-cadangan yang membina dari kami. Tetapi ini tidak akan membuat kami putus asa daripada menyuarakan cadangan-cadangan kami ini iaitu bahawasanya pendaftaran pengundi-pengundi patut dijalankan sepanjang tahun oleh kerana jika Kerajaan hendak menentukan bahawa sistem demokrasi berparlimen iaitu satu undi bagi seorang pengundi berjaya di negara ini maka ianya tanpa berlengah-lengah lagi meminda sistem menghadkan pendaftaran pengundi selama sebulan supaya menjadi sistem pendaftaran sepanjang tahun bagi membolehkan pendaftaran maksima pengundi-pengundi yang layak di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, hanya inilah jalan untuk mengatasi perasaan tidak puas hati dan kekecewaan orang ramai pada masa ini oleh

kerana pendaftaran pengundi-pengundi selama sebulan yang tidak dikelolakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin merujuk sedikit kepada Kepala B. 34—Polis di Raja Malaysia dan juga kepada Kertas Perintah Bil. 2 Tahun 1976 di mana tambahan sebanyak \$72,708 telah diperlukan bagi menguatkuasakan kawalan lalu lintas. Mengenai perkara ini saya perhatikan bahawa sungguhpun Polis Lalu lintas dalam Wilayah Persekutuan ada membantu mengawal perjalanan lalu lintas di waktu sebok di beberapa tempat di bandaraya, masih lagi ada beberapa tempat lain terutamanya di simpang-simpang yang sebok di mana tidak ada Polis Lalu lintas untuk mengawal lalu lintas di waktu sebok. Masaalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur nampaknya menjadi buruk hari ini dan sehingga lebih banyak lagi anggota-anggota Polis Lalu lintas boleh didapati untuk mengawal keadaan lalu lintas akan menjadi huruhara. Dengan itu saya cadangkan supaya Polis Lalu lintas Di Wilayah Persekutuan patut mengambil lebih banyak lagi anggota untuk membantu mengawal lalu lintas di semua tempat di mana kesesakan jalan mungkin berlaku. Kesesakan ini berlaku terutama sekali di simpang-simpang jalan di mana lalu lintas sangat banyak di waktu sebok. Ini patut dibuat tanpa berlengah-lengah lagi supaya masaalah kesesakan lalu lintas dapat diatasi pada waktu sebok.

Akhir sekali, saya ingin merujuk sedikit kepada Kepala B. 49—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar di mana satu peruntukan tambahan sebanyak \$135,245 akan dikehendaki untuk mengawal alam sekitar. Dalam perkara ini saya ingin menarik perhatian Kementerian tersebut tentang betapa seriousnessnya masaalah alam sekitar di bandar Kuala Lumpur. Kecemaran di bandar kita telah diakibatkan oleh kenderaan-kenderaan yang lama tetapi masih kelihatan di jalanraya dengan mengeluarkan asap hitam daripada exhaust-exhaust. Kenderaan yang paling banyak mengeluarkan asap-asap ini ialah bas-bas. Beberapa banyak daripada bas-bas yang terdapat sekarang adalah lama dan buruk dan hanya layak untuk disimpan di dalam muzium sahaja tetapi masih kelihatan di jalanraya

kita. Saya hairan mengapa pihak Polis tidak menyaman bas-bas tersebut. Kecemaran bunyi juga berlaku akibat penunggang-penunggang sekuter. Dalam pada itu, saya sukacita untuk menarik perhatian bahawa pihak Polis telahpun melancarkan satu kempen terhadap mereka dan saya juga berharap berkenaan dengan bas-bas yang mengeluarkan asap-asap hitam ini pihak polis patutlah mengambil tindakan keras terhadap mereka. Masaalah kecemaran alam mengancam kesihatan penghuni-penghuni di bandaraya kita dan sudah sampai masanya untuk Kerajaan mengambil langkah-langkah yang berpatutan untuk mengatasi masaalah ini.

4.45 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Pada pendapat saya apa yang dikemukakan dan apa yang diminta Dewan ini meluluskan adalah menasabah kerana saya yakin apa sahaja yang dibelanjakan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan walaupun perkara itu terlalu berlebihan daripada apa yang telah diluluskan pada tahun 1975. Ini bermakna satu-satu benda yang telah memberi faedah kepada umum baik pun kepada Menteri-menteri walaupun kita biasa dengar ada orang yang biasa mengata kerana keadaan manusia amatlah berlainan. Keadaan seseorang semasa dia belum dapat satu benda kita dengar irama ataupun suaranya berlainan, tetapi bila dia dapat apa yang dia belum dapat, pada masa itu iramanya berubah balik. Maka dengan sebab itu, kita tidak hairan kalau ada yang dikatakan oleh setengah golongan apa yang kita buat itu membazir. Tetapi saya yakin apa yang dijalankan oleh Kerajaan pada hari ini ialah demi kebaikan rakyat. Di sini sambil saya menyokong, saya juga berharap kepada beberapa perkara yang saya agak menjadi kebaikan kepada negara kita.

Yang pertama, berkenaan dengan Kepala P. 8—Jabatan Perdana Menteri. Saya selalu menyuarakan dalam Dewan ini dan saya tidak putus asa menyuarakan lagi. Begitu juga rakan-rakan saya yang lain. Di antaranya hal percutian yang tidak sama di'adakan dalam negara kita. Saya amat dukacita

kadang-kadang bila kita balik ke Perlis ataupun ke Kedah hendak menalipon ke Kuala Lumpur misalnya pada hari Ahad, maka didapati hari yang berkenaan tidak dapat hendak menalipon kerana pejabat di Kuala Lumpur terpaksa ditutup disebabkan hari itu hari cuti umum. Begitu juga kalau di hari Jumaat yang mana kita di sini akan menalipon pejabat di Perlis begitulah berlaku sebaliknya. Saya merayu dan berharap kepada Jabatan Perdana Menteri walaupun perkara ini saya dapati dari segi perniagaan dengan luar negeri berlainan sebab kebanyakan dengan negara luar cuti umum pada hari Ahad, tetapi saya berpendapat patutlah kita dalam negeri-negeri di Malaysia disamakan dan saya menguatkan lagi walaupun saya biasa bercakap dalam Dewan yang mulia ini supaya hari Jumaat itu dijadikan hari cuti umum beralaskan kerana sebagai ugama Islam sebagai ugama rasmi walaupun ada dalam ayat Quran, kalau tidak silap saya mengatakan selepas Jummat bertibarlah kamu mencari rezki. Jadi boleh jadi ada pihak yang mengatakan kepada saya hari Jumaat bukan kita tidak boleh bekerja. Ya, saya tidak menafikan, tetapi saya berpendapat amat rugi kerana saya yakin kebanyakan daripada pegawai-pegawai Kerajaan bila dia datang ke pejabat apatah lagi keadaan sebok di Kuala Lumpur, dia hendak balik dengan serta-merta maka tugasnya di pejabat belum habis walaupun hari Jumaat ditetapkan sampai pukul 12.00. Tetapi kalau dia tidak balik sembahyang maka bererti dia telah menghilang atau telah melanggar satu kehendak Tuhan. Jadi bererti baginya serba salah. Kata orang ditelan mati emak diluah mati bapa. Kalau dia balik dengan serta-merta bererti dia terpaksa meninggalkan tugasnya di pejabat, tetapi kalau dia balik terakhir maka dia terpaksa melanggar perintah Tuhan. Maka dengan sebab itu saya berpendapat patut sangat cuti ini disesuaikan dijadikan hari Jumaat kerana sebagaimana saya kata tadi amat rugi.

Begitu juga kanak-kanak sekolah yang umurnya telah meningkat dewasa terpaksa balik awal. Apatah lagi pejabat-pejabat walaupun kita katakan ada di antara golongan manusia yang tidak dapat kita hendak elakkan menanggung di air yang keruh, mengambil sempena hari Jumaat walaupun dia tidak sembahyang dia balik lebih awal daripada orang lain. Tetapi saya

yakin dan saya perhatikan kebanyakan kakitangan pejabat hari ini bekerja dengan baik dan khusuk pula terhadap Tuhan tetapi menjadi serba salah seperti mana saya katakan tadi. Jadi kalau dijadikan hari cuti itu hari Jumaat akan menjadi kebaikan yang amat sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bercakap berkenaan dengan Kepala P. 31—Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam. Saya amat berterima kasih kepada Kerajaan hari ini yang telah menubuhkan Kementerian yang berkenaan yang mana terkandung di dalamnya badan-badan seperti UDA, L.P.N., MARA dan lain-lain lagi. Saya dapati kebanyakan daripada pegawai-pegawai yang berkenaan bekerja dengan amat memuaskan hati, apatah lagi yang saya tengok setengah-setengah kakitangan pejabat biasa saya dapati sampai pukul 6.00 petang tidak dapat balik kerana menjalankan tugas, begitulah juga Pegawai-pegawai Negeri yang setahu saya negeri saya sendiri iaitu Perlis, Pegawai-pegawai MARA dan kakitangannya bertungkus lumus lebih daripada masa yang dihadkan.

Tetapi niat mereka ini untuk menolong kaum bumiputra dengan sewajarnya, apatah lagi di zaman pembangunan ini tidak boleh dengan pesat disebabkan kita tahu zaman pembangunan, kalau satu-satu binaan ada setengahnya sejuta ringgit dan sejuta ringgit lebih. Begitu juga kita hendak menseimbangkan kaum bumiputra supaya lebih cekap atau lebih maju dari segi perindustrian dan perdagangan. Kebanyakan pedagang-pedagang pada hari ini sebagaimana saya katakan, modalnya berjuta ringgit. Apakah halnya kalau misalnya MARA, saya contohkan, mereka menghadkan pinjaman tidak lebih daripada \$10,000. Apakah yang hendak dibuat dengan modal \$10,000? Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan tiap-tiap seorang ahli perniagaan itu hendaklah mereka mengadakan sedikit modal dahulu. Pinjaman yang dihadkan oleh MARA tidak lebih daripada \$10,000, ini amat mendukacitakan banyak peniaga-peniaga kaum bumiputra yang ingin maju yang berharap mendapat bantuan daripada MARA dan sebagainya. Tentang pegawai yang bertugas saya tengok amatlah baik, cuma peraturannya tidak boleh dipinda oleh sesiapa pun.

Begitu juga pinjaman daripada Bank Bumiputra telah dihadkan tidak boleh lebih daripada \$30,000 dan kalau lebih daripada

itu syaratnya terlampau banyak. Ini saya tidak salahkan pegawai-pegawai kerana pegawai-pegawai ini makan gaji. Kalau salah mereka menjalankan kerja bererti perikod nasi mereka habis. Jadi dengan sebab itu tiap-tiap seorang peraturan mestilah dipatuhi, tetapi tentang semangat saya perhatikan daripada tiap-tiap pegawai ini amatlah kuat. Dengan sebab itu, saya berkata dengan terus-terang berkenaan dengan MARA tadi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Pengerusi walaupun pada hari ini juga menjadi Pengerusi mesyuarat ini—saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap dengan berkat saya bercakap dalam Dewan ini moga-moga peraturan yang telah ditetapkan itu dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berkenaan dengan pembangunan luar bandar. Saya ucapkan terima kasih dari segi pembangunan luar bandar. Kita berkehendakkan tiap-tiap seorang daripada rakyat Malaysia hendaklah ada kemampuan dan di samping itu tiap-tiap seorang rakyat hendaklah berkebolehan membaca dan menulis mengikut kadar kemampuan masing-masing. Dengan adanya rancangan luar bandar khasnya berkenaan dengan pelajaran dewasa atau KEMAS pada hari ini, kita dapati banyak daripada penduduk-penduduk Malaysia khasnya luar bandar telah mendapat pelajaran.

Sebagaimana saya katakan tadi ini adalah kerana daya usaha daripada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar di bawah Jabatan KEMAS. Tetapi yang mendukacitakan saya, saya selalu bercakap di sini sebagai mengingatkan kepada kawan-kawan saya yang sejawat dengan saya pada masa yang lepas ialah elauun mereka ini patutlah dikaji semula, patutlah dinaikkan sedikit, apatah lagi tugas mereka ini sungguh banyak dengan kerja-kerja seperti rancangan R.D.U. (Rancangan Desa Usaha) dan lain-lain lagi. Saya berharap kepada Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan pertimbangkan semula hal elauun ini, sebab kakitangan lain dinaikkan gajinya, termasuk juga kita Ahli-ahli Dewan dan semua peringkat. Jadi kepada mereka ini yang telah memberi pengorbanan apatah lagi memberi kesedaran kepada penduduk-penduduk desa patutlah juga kita memberi sanjungan yang sewajarnya, sebagaimana saya katakan tadi baikpun daripada Penyelia-penyeliannya begitu juga guru-gurunya. Maka dengan ini

saya percaya menjadi satu dasar Kerajaan dan kehendak Islam juga iaitu tiap-tiap seorang daripada kita mendapat kemampuan dari segi hidup apatah lagi mendapat pelajaran baik dari segi keduniaan dan keugamaan.

4.55 *ptg.*

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong usul yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, saya suka mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada keperwiraan dan keberanian Polis di Raja, sebagaimana yang dilaporkan dalam suratkhobar pada hari ini, mengatasi berbagai rintangan menangkap, membunuh dan mematahkan perbuatan jenayah yang telah menjadi-jadi. Kejayaan yang telah dicapai kelmarin tidak berapa lama selepas daripada kejayaan yang telah dicapai oleh Polis di Raja juga berkaitan dengan memberkas dan mematahkan golongan gerombolan yang dikatakan “Botak Chin” ialah satu kejadian yang memberi satu semangat kepercayaan kepada mereka daripada semua rakyat, bukan sahaja di Kuala Lumpur, di Petaling Jaya akan tetapi seluruh negara ini.

Berkaitan dengan ini saya suka menegur iaitu saya sangat tertarik dengan gambar-gambar yang tersiar di dalam suratkhobar bagaimana pegawai-pegawai kita telah mula dilengkapi dengan alat-alat senjata yang baru, jenis baru, yang lebih barangkali berkesan seperti sub-machine gun dan sebagainya dan diberi bullet-proof jacket untuk dipakai sewaktu menjalankan kerja dan sebagainya. Jadi saya suka menegaskan bahawa perbelanjaan yang dikeluarkan untuk memperlengkap dan memperlengkap pegawai-pegawai keselamatan kita dengan segala perlengkapan dan alatan yang paling baru, yang paling berkesan, walaupun harganya tinggi ataupun mahal mestilah diteruskan. Saya harap setiap pegawai yang dihantar keluar untuk bekerja menjalankan kewajipan dan tanggungan yang berat ini diberi perlindungan yang sedapat-dapatnya, samada cara bullet-proof jacket dan senjata-senjata yang

baru dan juga equipment yang sophisticated, electronic equipment dan sebagainya sebagaimana yang digunakan oleh Polis Contingent di negeri-negeri dan di kota-kota lain di dunia ini.

Saya juga tertarik bahawa dalam bekalan dan perbelanjaan tambahan termasuk perbelanjaan di bawah Jabatan Penerangan untuk perang geraksaraf (psychological warfare). Saya juga berasa perbelanjaan semacam ini sangatlah wajar, sangatlah patut dan bukan setakat yang telah dijalankan sahaja tetapi patut dilipat-gandakan dan ditambahkan. Saya rasa dalam perjuangan menghadapi musuh yang mengugut keselamatan negeri ini, khususnya menghadapi pencerobohan Parti Kominis Malaya yang melancarkan keganasan terhadap umat kita yang aman bukan sahaja di lapangan senjata, berperang secara bersenjata, akan tetapi yang lebih-lebih mustahak kita utamakan ialah perjuangan di bahagian ideologi, di bahagian pemikiran, di bahagian pendapat dan kepercayaan. Sebab itu penambahan yang terdapat ini pada fikiran saya sangat kecil, sangat kurang dan tidak cukup. Kaki-tangan di dalam bahagian yang ditugaskan untuk menjalankan usaha inipun pada fikiran saya tidak mencukupi. Bilangan pegawai yang berkebolehan (capacity) dan pelajaran dan latihan patut diperbesarkan dalam bahagian Jabatan Penerangan dalam Kementerian Penerangan. Adakan pakar-pakar, orang-orang yang ada pengalaman dan pengajian, orang yang tahu dan masak tentang political ideology, political struggle, political conflict, political warfare, ideological warfare, psyshological warfare—tidak payah saya panjang-panjangkan, sebab saya ingat setakat ini maksud saya sudah saya sampaikan kepada pihak pemerintah iaitu bukan sahaja saya menyokong segala perbelanjaan tambahan yang dikeluarkan dalam lapangan ini, tetapi saya juga menyeru supaya kita lebih mempergiatkan, menambah kegiatan, menumpukan usaha dan lebihkan belanja di lapangan ini demi kepentingan mempertahankan rakyat jelata daripada terpengaruh oleh berbagai bohong, karut, khabar angin yang disebarkan, surat

beracun yang dihebahkan dan sebagainya. Segala-gala ini mesti ditentang, setiap dusta itu mesti dibongkar, mesti dibuka dan mesti dikupas sampai orang ramai sedar apa yang didusta, apa yang dibohong, apa yang dikarutkan. Itu ialah perkara yang mesti ditolak dan mesti dibuang. Dan seterusnya sampai rakyat jelata sendiri dengan kebiasaan ini dapat mempertahankan diri daripada terpedaya oleh dakyah-dakyah palsu daripada pihak kominis dan lain-lain pihak anti-sosial dan anti-national yang terdapat dalam negeri ini.

Saya rasa kesal sedikit bahawa Yang Berhormat rakan saya dari Kepong menggunakan peluang ini untuk mendapatkan political point, barangkali party point menunjukkan telunjuk menuduh bahawa antara Menteri-menteri kita ada yang menghantar anaknya keluar negeri untuk menuntut dan belajar. Saya ingat perkara ini dibangkitkan semata-mata untuk kepentingan parti dan bukan pada dasar. Saya suka bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu adakah beliau benar-benar atau betul-betul secara jujur pada dasar, pada asas dan pada perinsipnya membangkang kebebasan yang diberi oleh Kerajaan di negeri kita pada waktu ini kepada sesiapa sahaja, tidak kira anak menteri, anak orang kaya, anak orang miskin; tidak peduli anak Melayu, anak China anak India, sesiapa sahaja yang ada kemampuan, yang ada keinginan kalau tidak ada kemampuan, ada juga orang yang pergi belajar dengan tenaga usahanya sendiri pergi hitch-hiking meminta sedekah untuk mendapatkan perbelanjaan supaya dapat pergi ke luar negeri bagi mendapatkan pelajaran. Tetapi ada beberapa buah negeri yang saya tahu di Benua Asia ini sendiri yang mengadakan undang-undang menyekat anak negerinya keluar menuntut tanpa kebenaran dan kerap kali tidak dibenarkan langsung. Biasanya alasan yang diberi ialah kerana tidak cukup wang, tidak cukup foreign exchange. Ada yang takut barangkali kebudayaan dan cara hidupnya sendiri tidak begitu kukuh, kalau keluar negeri terpengaruh oleh pengaruh negeri lain. Saya tahu setengah

negeri yang berfahaman kominis, misalnya takut kalau anak-anak yang masih muda pergi belajar ke luar negeri menerima kesan demokrasi dan lain-lainnya, tukar fikiran, balik tidak sesuai pula dengan masyarakatnya. Berbagai-bagai alasan dan dengan berbagai alasan ini menyekat umatnya keluar negeri belajar menuntut secara bebas.

Saya soal kepada Ahli Yang Berhormat atau partinya samada pada dasar dan pada prinsip dia atau partinya mahukan Kerajaan kita juga mengadakan peraturan dan undang-undang yang menyekat sama sekali kebebasan ini. Pada kita di Barisan Nasional sungguhpun kita sedar barangkali ada kesan-kesan buruk pun dalam memberi kebebasan ini akan tetapi kerana kita percaya kepada keutuhan, kepada kebolehan dan kesanggupan kita sebagai sebuah negara menanggung dari apa segi pun memberi kebebasan ini dan saya harap umat kita dari semua golongan dalam negeri ini menghargai dan sedar tentang nilai kebebasan semacam ini yang diberi dan dinikmati oleh kita semua. Ini satu perkara, saya ingat kalau pihak sana mahu menggunakan ini sebagai satu peluang untuk scoring political point, barangkali tidak kena tempatnya, barangkali akan menimbulkan perkara prinsip dan dasar yang lebih besar dan penting dan barangkali mereka akan sesal kemudian.

Saya juga tidak bersetuju dengan teguran yang telah dikemukakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang perbelanjaan \$2 juta lebih yang telah dikeluarkan sebagai perbelanjaan tambahan untuk membina kediaman Duta Besar kita di Arab Saudi. Banyak hujahnya. Akan tetapi saya rasa samada seorang yang mengeluarkan fikiran dan pendapat semacam ini:

- (a) tidak faham, tidak mengerti, tidak tahu sama sekali akan adat resam perhubungan antarabangsa dan pergaulan di dunia international, tidak faham kehidupan di lapangan diplomasi; atau barangkali
- (b) dia faham akan tetapi difikirkannya juga ini satu point yang dapat digunakan untuk mengelirukan fikiran orang ramai dan rakyat jelata.

Betul kepada orang ramai \$2 juta itu sangat besar, banyak duitnya, tidak patut kita membazir. Memadailah buat satu pondok sahaja barangkali yang berharga \$100-\$200; \$1,000-\$2,000; \$10,000-\$20,000 untuk Duta Besar

kita itu. Barangkali elok juga dia dicadangkan supaya jangan beri motorkar biarkan Duta Besar itu berlalan kaki sahaja seperti orang lain. Barangkali jangan pakai baju cantik-cantik, pakai seluar pendek sahaja. Ini barangkali akan menarik tetapi menarik kepada orang yang tidak terpelajar, orang yang bodoh betul. Tetapi saya percaya orang ramai dalam negeri ini tidak terpedaya oleh propaganda semacam ini.

Di tengah-tengah masyarakat kita di Kuala Lumpur ini kita lihat bagaimana Duta semua bangsa di sini semuanya duduk di rumah-rumah besar. Rumah besar-besar yang sewanya di antara \$5,000-\$6,000 sebulan. Siapakah yang duduk di dalamnya? Menteri kita tidak sanggup, tetapi Duta-duta. Mereka ini apabila balik ke negerinya tidak menjadi orang besar, menjadi kecil. Saya sendiri pernah menjadi Duta di luar lebih besar daripada Menteri, sebab kita wakil Negeri, kita wakil Raja, kita wakil Malaysia. Ke mana-mana pergi kibar bendera, di rumah kita duduk pun kibar bendera. Buat apa pun semuanya besar-besar. Tunjuk kebesaran maruah negara. Kita tidak makan di rumah pun tidak mengapa, tunjuk Malaysia ini boleh sombong, boleh diakui besar, tidak lokek, tidak kedekut, jamu orang makan sedap-sedap sampai kenyang dengan lauk yang sebaik-baiknya daripada Malaysia. Tujuannya hendak menunjuk kerana bangsa. Akan tetapi bila balik di sini lokek semula, jalan kaki, duduk di pondok, tidak mengapa. Jadi ini saya hendak peringatkan, jangan kita main-mainkan simbol nasional ataupun benda-benda, perkara-perkara yang berkaitan dengan maruah bangsa, maruah negara untuk propaganda parti. Kalau hendak bertentang, kita bertentang secara ideologi. Kalau hendak bertikam lidah, kita bertikam lidah kepada apa yang baik, apa yang buruk. Akan tetapi berkaitan dengan kehormatan bangsa, berkaitan dengan Raja, berkaitan dengan bendera, berkaitan dengan bangsa kita janganlah. Sesiapa yang mem-permain-mainkan simbol ini, siapa yang mempermain-mainkan wakil negara kita, dan juga siapa yang melemahkan serta mengurangkan sikap yang merendahkan kedudukan wakil kita di luar negeri, orang itu mesti dianggap sebagai anti-nasional juga orang yang membuat sesuatu untuk merugikan kepentingan nasional—tidak payah saya sebutkan dengan panjang. Saya cuma minta

pihak Pembangkang janganlah ulang-ulang perkara semacam ini kerana saya sedar dan saya tahu, orang itu faham—tahu tetapi sengaja membuat-buatkannya. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Kalau tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap, saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.12 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan mengucapkan ribuan terima kasih di atas syor-syor dan teguran-teguran yang telah disampaikan dalam perbahasan ini, dan mungkin tidak wajar sekiranya saya membuat jawapan bagi pihak Kementerian-kementerian yang berkenaan. Saya suka menyatakan di sini semua teguran-teguran dan syor-syor yang telah dibuat dalam Dewan pada petang ini akan dirujuk kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan satu-persatu untuk diambil perhatian dan di mana-mana sesuai akan diambil tindakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$82,442,203 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1975, dan bagi maksud kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan tersebut di ruangan pertama dan kedua dalam senarai yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Bil. 3 tahun 1976, di-untukkan jumlah yang tersebut di ruangan lapan dan sembilan setentangan dengan kepala-kepala dan pecahan-pecahan kepala dalam senarai Kertas Perintah itu.

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

JADUAL

B. 1, B. 2, B. 4, B. 7, B. 8, B. 10, B. 11, B. 12 (Jadual)—

P. 8 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1975—

5.14 ptg.

Menteri Tak Berfotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1975 di bawah Kepala B. 1, B. 2, B. 4, B. 7, B. 8, B. 10, B. 11 dan B. 12 berjumlah \$2,709,740 diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual serta Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1975 di bawah Kepala P. 8 dan P. 10 berjumlah \$114,785 diluluskan. Perincian mengenai Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1975 itu adalah seperti berikut:

Kepala B. 1—Parlimen

Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak \$2,034,000 adalah dikehendaki untuk membayar tambahan elaun-elaun Ahli-ahli Parlimen berikutan dengan Pindaan Akta Saraan Ahli-ahli Parlimen tahun 1960. Menampung perbelanjaan Persidangan ASEAN di Kuala Lumpur, lawatan-lawatan dan juga membeli beberapa jenis perabot dan kelengkapan pejabat.

Kepala B. 2—Majlis Raja-raja

Peruntukan tambahan sebanyak \$22,005 diperlukan untuk menghadapi perbelanjaan bagi Mesyuarat Majlis Raja-raja dan juga bayaran bonos serta kenaikan gaji kakitangan di Pejabat ini.

Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya

Tambahan \$59,347 diperlukan untuk menjalankan semua aktiviti pendaftaran pemilih kajian semula bahagian pilihanraya dan juga pembinaan satu ruang pejabat yang baru bagi Suruhanjaya ini.

Kepala B. 7—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Bagi membayar beberapa jenis elaun dan bonos kepada kakitangan Suruhanjaya ini dan tambahan sebanyak \$38,370 diperlukan.

Kepala B. 8—Perdana Menteri

Tambahan yang diperlukan ialah \$295,022 bagi menghadapi perbelanjaan penyeliaan Rancangan Malaysia Ketiga, pembelian dua buah kereta rasmi dan juga bagi membayar belanja mengurus Suruhanjaya Gaji Harun yang telah dilanjutkan tempohnya daripada 1hb Januari, 1975 hingga 31hb Mei, 1975.

Kepala B. 10—Jabatan Kehakiman

Peruntukan tambahan sebanyak \$115,000 dikehendaki untuk menghadapi perbelanjaan berikutan dengan Persidangan Keempat Majestret-majestret Komenwel dan juga pembelian sebuah kereta rasmi.

Kepala B. 11—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah

Tambahan sebanyak \$122,000 ini adalah untuk menampung kenaikan kadar bayaran letrik yang telah dikenakan oleh pihak berkuasa Sabah dan juga kenaikan harga barang-barang di pasaran tempatan.

Kepala B. 12—Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak

Tambahan yang dipohon ialah \$24,000 untuk menampung penambahan perbelanjaan tambang pegawai-pegawai kontrak yang telah tamat perkhidmatan mereka dan juga tambang untuk pegawai-pegawai kontrak yang baharu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1975 di bawah Kepala P. 8—Perdana Menteri seperti berikut:

Pecahan-kepala 7—Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara

Belanja Mengurus peruntukkan sebanyak \$4,660,300 adalah dikehendaki bagi membiayai tambahan Belanja Mengurus akibat aktiviti-aktiviti Lembaga yang meningkat dalam pembukaan kawasan-kawasan baharu dan mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur.

Pecahan-kepala 11—Bangunan Sekretariat, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam

Kerajaan Pusat telah meluluskan pemberian secara langsung sebanyak hanya \$500,000 sahaja terhadap kos pembinaan

bangunan sekretariat sebab sebahagian dari bangunan tersebut adalah untuk Masjid Negara menggunakannya sebagai pejabat. Bagi kos pembinaan ini adalah dibiayai dari tabung Masjid Negara. Tetapi dipersetujui pula kemudiannya yang bangunan ini digunakan seluruhnya oleh Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri dan kos sepenuhnya dipertanggungkan kepada Kerajaan Pusat.

Pecahan-Kepala 15—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar.

\$28 juta telah dibekalkan bagi pembinaan jalan-jalan di luar bandar di Semenanjung Malaysia. Bagi tahun 1975, \$3 juta diluluskan dalam Anggaran Pembangunan, 1975 tetapi \$6 juta diperlukan bagi peruntukan tambahan bagi negeri-negeri Kedah, Kelantan dan Trengganu.

Pecahan-Kepala 16—Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar

Jumlah pertambahan sebanyak \$1,040,000 adalah perlu bagi membiayai projek-projek kecil di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia terutama di negeri Kedah, Kelantan dan Trengganu bagi tahun 1975. Ini bertujuan memperbaiki taraf kemudahan-kemudahan yang diberi kepada negeri-negeri tersebut.

SARAWAK:

Pecahan kepala 22—Lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar

Peruntukan sebanyak \$650 ribu adalah diperlukan dalam tahun 1975 untuk membiayai projek kecil bagi daerah-daerah luar bandar di Sarawak. Bagi tahun 1975, \$500 ribu telah dibekalkan dalam Anggaran Pembangunan tahun 1975.

SABAH:

Pecahan—Kepala 32—Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar

Peruntukan tambahan \$160 ribu dikehendaki untuk membiayai projek-projek kecil di daerah-daerah luar bandar di Sabah bagi tahun 1975.

Kepala P. 10 Jabatan Kehakiman

Kepala P. 10 Jabatan Kehakiman, Pecahan-kepala 1, Bangunan Mahkamah, Wang

tambahan sebanyak \$114,725 adalah diperlukan untuk membayar harga tapak tanah bagi Mahkamah Sesyen Rendah baru di Ipoh yang sekarang telah pun siap dibina.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1975 di bawah Kepala B. 1 hingga 12 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual, dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1975 di bawah Kepala P. 8 dan P. 10 diluluskan.

5.24 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang di sini menyentuh beberapa perkara di bawah Kepala B. 8, Jabatan Perdana Menteri. Di bawah Jabatan Perdana Menteri saya suka menarik perhatian bahawa sekarang ini ada beberapa bahagian dan yunit tertentu yang bertugas menyelidik, merancang dan menasihati Kerajaan di dalam beberapa perkara seperti ekonomi, keselamatan dan sebagainya. Saya rasa ada beberapa perkara lagi yang patut mendapat perhatian penyelidik, perancang yang ada di Jabatan Perdana Menteri hari ini kerana mengikut anggapan saya perkara-perkara yang akan saya sebut dan saya sentuh di sini kelak mungkin merupakan suatu ancaman kepada negara dan masyarakat kita pada masa depan jika kita tidak memberi perhatian yang sepatutnya dari sekarang. Umpamanya, suatu penyelidikan dan kajian yang teliti patut dijalankan bagi mencari suatu cara bagaimana hendak mengeratkan hubungan di antara pentadbiran dan politik di dalam negara kita ini.

Saya menyentuh perkara ini secara umum sahaja kerana pada hakikat yang sebenar yang tidak dapat kita nafikan pada hari ini ada kebimbangan telah timbul di kalangan rakyat bahawa hubungan antara pentadbiran dan politik khususnya orang ramai makin sehari di dalam negara kita ini makin bertambah renggang, jurang dan jaraknya makin sehari makin bertambah jauh.

Ada pendapat-pendapat yang mengatakan bahawa pentadbiran dan politik itu tidak boleh dicampur-adukkan dan mesti diasingkan, tetapi mengikut pendapat saya bahawa pentadbiran itu juga di dalam sesuatu negara mestilah mempunyai unsur-unsur politik dan mesti juga mempunyai pertimbangan di

dalam masaalah politik. Saya tidak hendak memberi contoh yang lebih halus tetapi secara kasarnya, saya suka menyebutkan bahawa hubungan pentadbiran dan politik itu barangkali pada peringkat Pusat sungguh pun ada pandangan-pandangan ramai, pandangan-pandangan umum mengatakan bahawa sistem pentadbiran negara kita hari ini terlampau berbentuk birokrasi sehingga.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat bercakap atas kepala mana? Kita dalam Jawatankuasa.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Saya bercakap di atas Kepala B. 8, Jabatan Perdana Menteri.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Teruskan.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Saya mencadangkan supaya pihak Jabatan Perdana Menteri mengkaji masaalah ini kerana masaalah ini melibatkan masa depan negara kita. Saya hendak sebut tadi masaalah pentadbiran dan politik ini ada setengah-setengah pandangan mengatakan sistem pentadbiran dalam negara kita hari ini lebih berbentuk ataupun lebih cenderung kepada sistem birokrasi yang terlampau. Barangkali ini mewujudkan suatu jurang di antara pentadbiran dan politik dan juga rakyat umum. Tetapi saya mengatakan pada peringkat

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Yang Berhormat, sila duduk. Dalam Majlis ini kita berbahas mengikut aturan. Ucapan Ahli Yang Berhormat sekarang ini adalah perkara dasar dan am yang sepatutnya disebut masa kita dalam peringkat mengemukakan tadi. Sekarang kita dalam peringkat Jawatankuasa adalah membincangkan berkenaan perkara-perkara yang tersebut dalam Kertas yang dihadapan kita sahaja. Jadi saya nampak tak relevant, tak ada sangkut dan kaitan. Jadi aturannya tak betul. Sepatutnya bila hendak berucap berkenaan dengan perkara itu, yang saya pandang sebagai perkara dasar adalah pada peringkat mula Menteri mengemukakan tadi, sekarang sudah terlepas masanya.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya sudah terlepas masa. Jadi setakat itulah sahaja.

5.30 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, sebenarnya ada sebuah Pusat Pengajian Pembangunan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan saya mengambil perhatian atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Besut. Barangkali perkara ini boleh dikaji di bawah tajuk pengajian yang dijalankan oleh Badan-badan yang berkenaan, tetapi boleh saya menerangkan di sini bahawa di dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti kita akan mengambil berat tentang melaksanakan projek-projek pembangunan dan sepertimana Ahli Yang Berhormat mengatakan tadi, saya harap tidak ada jurang di antara bidang politik dan pentadbiran pada masa akan datang.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,034,000 untuk Kepala B. 1, \$22,005 untuk Kepala B. 2, \$59,347 untuk Kepala B. 4, \$38,370 untuk Kepala B. 7, \$295,022 untuk Kepala B. 8, \$115,000 untuk Kepala B. 10, \$122,000 untuk Kepala B. 11 dan \$24,000 untuk Kepala B. 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$60 untuk Kepala P. 8 dan \$114,725 untuk Kepala P. 10 disetujukan jadi sebahagian Anggaran Pembangunan (Tam.) (Bil. 2), 1975.

Kepala B. 16 (Jadual)—

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, saya memohon izin untuk mencadangkan peruntukan tambahan sebanyak \$24,531 di bawah Pecahan-kepala 3,100 Kepala B. 16 diluluskan.

Sebagaimana yang diterangkan dalam Kertas Perintah Bil. 2 1976, wang ini adalah dikehendaki untuk membiayai pembelian perabot dan perkakas pejabat Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$24,531 untuk Kepala B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

5.35 ptg.

Kepala P. 17 Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1975—

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Pengerusi, saya mohon izin membentangkan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 1975 bagi Kementerian Pertanian, di bawah Kepala P. 17 Anggaran Pembangunan Tahun 1975, iaitu seperti berikut.

Sebanyak \$170,000 diperlukan sebagai peruntukan pinjaman kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk projek baru perusahaan memelihara kerang di Pulau Aman dan di Seberang Prai Tengah. Projek ini dilaksanakan secara usaha sama di antara MAJUIKAN dan Koperasi Peladang dan Nelayan Seberang Prai. Ia adalah merupakan projek sosio-ekonomi yang bertujuan untuk memberi pendapatan dan taraf hidup yang lebih baik kepada kaum nelayan tempatan. Pinjaman sebanyak \$170,000 itu telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka di bawah Pecahan-kepala 9.

Selain dari itu, sebanyak 14 rancangan di seluruh Malaysia, yang meliputi 2 rancangan Pertanian, 12 rancangan Parit dan Taliair masing-masing memerlukan peruntukan tanda \$10 bagi menaikkan anggaran jumlah harga asal Rancangan Malaysia Yang Kedua. Pemindahan anggaran jumlah harga rancangan-rancangan ini diperlukan kerana anggaran-anggaran bagi tahun 1975 yang telah disediakan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 1975 tidak mencukupi untuk menemui perbelanjaan bagi tahun itu. Walau bagaimanapun, peruntukan tambahan yang dikehendaki bagi tahun 1975 itu boleh didapati menerusi pindaan peruntukan dari simpanan wang dalam pecahan kepala-kepala lain. Jumlah peruntukan tanda sebanyak \$140 telah didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka dan butir-butir pada tiap-tiap projek itu ada diterangkan di dalam senarai ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan tambahan bagi Anggaran Pembangunan 1975 yang berjumlah \$140, secara peruntukan tanda cara langsung untuk meminda jumlah harga pecahan-pecahan kepala seperti yang

dibentangkan dan \$170,000 untuk peruntukan pinjaman, kedua-duanya sebagai tambahan kedua bagi tahun 1975 mohon diluluskan.

5.37 ptg.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, sukaiah saya menyokong perbelanjaan tambahan untuk Kementerian Pertanian berjumlah \$170,140 di bawah Kepala Pembangunan P. 17.

Tuan Pengerusi, Kerajaan kita telah bermurah hati memberi galakan untuk kegiatan koperatif di negara kita. Dalam erti kata bekerjasama dan galakan Malaysia mempunyai pertubuhan koperatif yang baik sekali dalam Kementerian in Kegiatan koperatif telahpun membolehkan rakyat biasa mengambil bahagian yang lebih, yuran-yuran dari ahli-ahlinya yang diberikan dengan secara licin telah menyebabkan pembangunan banyak pertubuhan-pertubuhan koperasi-koperasi. Banyak orang-orang dari peringkat bawah telah ditolong untuk mengadakan rumah-rumah mereka sendiri iaitu dengan mereka membayar balik secara beransur. Pertubuhan-pertubuhan yang meminjam wang tidak terdaya meminjam wang kepada pekerja-pekerja biasa kerana mereka pasti bahawa wang boleh dipungut balik melalui potongan-potongan dalam gaji mereka. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, dukacita dinyatakan bahawa Surat Pekeliling yang terakhir dari Kerajaan telah menghentikan potongan daripada gaji yang akan dikuatkuasakan mulai bulan April tahun ini.

Tuan Pengerusi, sistem potongan dari gaji berkuatkuasa sejak 54 tahun yang lalu. Jikalau saya tidak salah ia telah mula pada tahun 1932, oleh kerana kemudahan inilah peminjam-peminjam telah terdaya membayar balik wang pinjaman mereka dan peminjam-peminjam telah terdaya meminjam tanpa dikhuatiri pembayaran balik.

Tuan Pengerusi, jika sistem ini iaitu membayar balik melalui gaji diberhentikan ini akan merupakan sebagai satu bahaya kepada kegiatan koperasi dan ini pasti akan menggelapkan pembangunan kegiatan koperasi di negara kita.

Tuan Pengerusi, manusia selalu tertarik hati kepada wang ringgit. Dalam kes seperti miskin bila dia ada wang dia terdaya membayar balik hutangnya, tetapi akan terlibat

dalam perbelanjaan yang tidak penting. Potongan gaji berlaku tanpa pengetahuan yang berat oleh pembayarannya.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya merayu Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk campur tangan dalam hal ini dengan sertamerta untuk menyelamatkan pembangunan koperasi. Saya sedia maklum bahawa Kerajaan menghadapi kesukaran pentadbiran dalam mengendalikan potongan-potongan seperti ini, tetapi saya suka mencadangkan bahawa pertubuhan koperasi seperti ANGKASA boleh mengadakan kemudahan-kemudahan computer untuk membantu Kerajaan dalam usaha ini. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya menimbangkan rayuan saya dengan teliti dan mengesyorkan kepada Kerajaan supaya meneruskan potongan gaji untuk pekerja-pekerja membayar instalment mereka kepada keanggotaan kegiatan-kegiatan koperasi di dalam negara kita.

5.41 ptg.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Parit Buntar): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian menyokong permintaan yang dikemukakan oleh Kementerian yang berkenaan berhubung dengan perbelanjaan tambahan seperti yang telah dicatitkan di dalam buku Anggaran Pembangunn, 1975. Dan saya suka menyentuh di bawah kepala P. 17, Pecahan-kepala 100 Rancangan-rancangan Taliair, Perak: (i) Tambahan Krian, Peringkat III.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Jabatan Parit dan Taliair yang telah menyelamatkan hampir 3,000 ekar tanah sawah di kawasan saya yang telah kekeringan kerana kemarau baru-baru ini yang mana pihak Jabatan Parit dan Taliair telah mengambil tindakan segera mengepam air dari Sungai Krian yang walaupun Empang Jajar yang diusahakan oleh Jabatan ini masih belum siap tetapi pihak yang berkenaan telah menggunakan jentera bagi mengepam air itu. Dan dengan tindakan segera yang diambil oleh pihak Jabatan ini telah memulih dan menyelamatkan padi-padi yang sedang kekeringan itu.

Tuan Pengerusi, parit dan taliair adalah merupakan urat nadi yang menyalurkan bekalan air bagi menyuburkan tanaman padi

pada ketika padi menghendakki air dan melalui parit juga air dapat dibuang untuk mengeringkan sawah padi pada ketika padi tidak menghendakki air. Sepertimana yang kita maklum, kawasan persawahan padi di Krian adalah merupakan kawasan yang tertua sekali di dalam Malaysia ini dan oleh yang demikian kebanyakan parit dan taliair di kawasan itu sebahagian besarnya sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan dengan penanaman padi yang moden yang digunakan dua kali setahun sekarang ini.

Pada masa ini kebanyakan parit-parit buang di kawasan persawahan padi di Krian Laut iaitu yang luasnya lebih daripada 35,000 ekar didapati parit-parit buang sudah tidak dapat menunaikan tanggungjawab untuk menyalurkan air buang dan akibat daripada keadaan parit yang tidak sesuai itu pada masa-masa yang lepas beribu-ribu ekar sawah padi telah rosak kerana sentiasa ditenggelami air. Dan tanah-tanah sawah itu juga telah menjadi lumpur yang dalam yang mengakibatkan padi-padi yang ditanam pada setiap tahun mudah diserang oleh musuh-musuh seperti ulat dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya amat berharap kepada pihak Kementerian ini dalam rancangan yang akan datang walaupun pihak Kementerian telah menerangkan ada rancangan bagi membetul dan memperbaiki keadaan parit-parit buang ini tetapi nampaknya sehingga masa ini masih belum ada sesuatu yang dibuat. Jadi saya amatlah berharap apabila selesai Empang Jajar yang akan membekalkan air tanaman padi dua kali setahun dengan secukup-cukupnya pada masa yang akan datang, maka mustahaklah rancangan membetulkan parit-parit buang ini disegerakan. Kerana kalau air sudah diberi dengan cukup tetapi jalan untuk membuang air ketika padi sudah tidak menghendakki air itu maka ia tidak dapat disalurkan dengan sempurna dan akibatnya seperti yang saya sebutkan tadi akan sentiasalah kawasan-kawasan sawah yang luas yang kebanyakannya tidak dapat membuang air. Ini akan sentiasa digenangi air dan merosakkan padi-padi pada setiap musim. Jadi saya

berharaplah kepada pihak Kementerian ini akan menyegerakan rancangan membetul parit-parit buang di kawasan yang berkenaan.

5.46 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong perbelanjaan tambahan yang dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan. Dan di samping itu saya suka menyentuh mengenai Kepala P. 17 dan tertarik hati kepada apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Pertanian berkenaan dengan satu rancangan untuk menternak kerang.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya, Kuala Selangor ialah satu tempat yang masyhor berkenaan dengan kerang. Sungguhpun kerang ini ada dua jenis, iaitu satu kerang berbulu, dan satu lagi kerang yang tidak berbulu.

Tuan Pengerusi: Di mana bulunya, di dalamnya atau di luar.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Di luar. Kerang di Kuala Selangor yang masyhor ialah kerang yang tidak ada berbulu. Bentuknya kecil sedikit dan rasanya sedap sebagaimana pernah di dalam satu lapuran dinyatakan oleh Jabatan Perikanan.

Saya berharap pada Kementerian yang berkenaan membuat kajian-kajian supaya dapat di tentukan di manakah pantai-pantai di negara kita ini boleh didapati kerang, remis dan lain-lain yang boleh nelayan-nelayan membuat kerja, berusaha untuk menambah pendapatannya di masa-masa monsoon dan sebagainya. Dan di samping itu hendaklah juga kajian dibuat supaya dapat Kementerian yang berkenaan mencari jalan lain di mana nelayan boleh membuat per-usahaan, diajar macam mana cara-cara hendak membuat barang-barang perhiasan daripada kulit-kulit kerang, kulit-kulit remis dan kulit-kulit kepah dan sebagainya dan juga dari kayu-kayu yang hanyut (drift-wood). Kerana saya tengok banyak barang-barang ini menjadi tarikan yang dikehendaki sangat oleh bukan sahaja tourists tetapi juga oleh orang-orang tempatan. Kalau ada daya usaha daripada Kementerian melatih isteri-isteri dan anak-anak nelayan-nelayan ini, saya percaya jalan ini boleh dapat menambatkan pendapatan mereka.

Saya suka berbalik semula kepada perkara yang dikemukakan berkenaan dengan galakan yang dibuat oleh Kementerian mengenai menambahkan usaha bagi menubuh syarikat-syarikat kerjasama terutama nelayan-nelayan. Kerana dengan cara inilah nelayan boleh mengatasi kerumitan daripada diperah oleh orang tengah.

Tetapi apa yang mendukacitakan ialah satu Kementerian menggalakkan supaya ditubuhkan syarikat-syarikat kerjasama dan orang-orang pun banyaklah berusaha menubuhkan syarikat kerjasama itu, syarikat kerjasama ini, tetapi bila syarikat kerjasama membuat sesuatu permohonan, keutamaan tidak dapat diberi kepada permohonan daripada syarikat kerjasama ini. Sungguhpun pada dasarnya ada dikatakan bahawa satu-satu permohonan itu keutamaan akan diberi kepada bekas perajurit, yang keduanya syarikat kerjasama dan selepas itu kalau tidak ada daripada pemohon-pemohon syarikat bumiputra, lepas itu daripada bumiputra perseorangan, kalau tidak ada juga baharulah perkongsian di antara bumiputra dengan bumiputra, tetapi macam saya katakan tadi tidak ada dan jarang sangat peraturan ini diikuti. Saya buat contoh di Kuala Selangor ada satu koperasi telah ditubuhkan di antara nelayan dan bekas perajurit dan mereka meminta satu kawasan untuk menternak kerang, kerang yang saya katakan masyur yang tidak berbulu itu. Tetapi, Tuan Pengerusi, sudah 6 bulan permohonan ini tidak juga mendapat apa-apa pandangan nelayan. Adalah menjadi harapan saya agar Kementerian yang berkenaan dapat mengikuti dan menentukan apakah kedudukan permohonan ini sekarang, saya boleh sesudah ini memberi reference numbers kerana sangat-sangat dikehendaki oleh penduduk-penduduk di situ.

Itulah sahaja teguran dari saya dan dengan penuh harapan agar teguran-teguran ini dapat sambutan yang baik.

5.53 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar untuk peruntukan tambahan ini dan saya pohon kebenaran bercakap menyentuh sedikit di

bawah Kepala B. 17 di dalam Pecahan-kepala Parit dan Taliair di Semenanjung Malaysia.

Saya suka menarik perhatian dua rancangan perairan di Besut sebagai panduan rancangan-rancangan lain yang akan diadakan di bawah pecahan-kepala yang tersebut di sini. Sungguhpun rancangan perairan Besut tidak ada di dalam Pecahan-kepalanya di sini, tetapi saya pohon kebenaran Tuan Pengerusi menyebut ini sebagai contoh untuk panduan sebagaimana saya katakan tadi untuk rancangan pembinaan parit dan taliair di tempat-tempat lain di Semenanjung Malaysia. Di Besut, ada dua rancangan perairan yang besar iaitu Rancangan Perairan Besut dan Rancangan Perairan Pelagat kedua-duanya memakan belanja berjuta-juta ringgit, tetapi sehingga hari ini orang ramai menganggap bahawa satu daripada rancangan perairan ini iaitu Perairan Pelagat telah gagal dan satu lagi Perairan Besut yang masih belum siap iaitu belum mendatangkan hasilnya.

Sebagai contoh bolehlah saya menerangkan sedikit kejadian-kejadian yang berlaku kepada pembinaan kedua-dua rancangan taliair ini untuk panduan kepada pembinaan parit dan taliair di tempat-tempat lain. Yang pertama, Rancangan Perairan Besut telah diberi kontrek kepada K.D.C. Saya hendak menyentuh secara umum sahaja. Sampai hari ini saya dengar beberapa bulan yang lepas K.D.C. telah meninggalkan kerja ini sebelum mereka dapat menyiapkan rancangan perairan itu. Sekarang ini petani-petani di daerah Besut menghadapi satu masalah yang besar, kerana parit dan taliair yang besar digunakan untuk satu rancangan pertanian yang besar bagi daerah Besut yang lebih daripada 30,000 ekar semua kawasan telah tergendala, dan sampai sekarang apabila ditanya dengan rasmi siapakah yang bertanggungjawab menyiapkan taliair ini, maka satu jawapan rasmi belum diperolehi. Saya menyebutkan perkara ini hanyalah hendak mengingatkan tentang kontrek, kontrek pembinaan parit dan taliair, projek-projek taliair umpama ini pada masa akan datang di mana-mana pun di dalam negara ini patutlah diberi perhatian yang lebih cermat dan diberi syarat-syarat perjanjian

yang lebih ketat supaya pemborong-pemborong terutama sekali daripada syarikat-syarikat luar negeri, syarikat-syarikat antarabangsa tidak dapat meninggalkan kerja mereka di tengah jalan seumpama itu sahaja.

Sekarang ini banyak di dalam kawasan perairan Besut ini taliairnya belum siap, jalan-jalan kampung yang termasuk di bawah projek perairan ini yang patut disiapkan oleh pihak K.D.C. telah terbengkalai dan masalah yang dihadapinya jalan-jalan seumpama itu tidak boleh pun sekarang ini dibuat atau disiapkan oleh mana-mana pihak samada diminta J.K.R. menyiapkan ataupun pihak Kerajaan Negeri yang termasuk di bawah jalan-jalan mukim umpamanya, tidak boleh menyiapkan jalan-jalan seumpama ini kerana kontrek dengan K.D.C. masih lagi belum selesai dan pihak K.D.C. telah meninggalkan kerjanya di tempat tersebut. Itulah sahaja secara ringkas saya menyebutkan satu contoh berhubung dengan kontrek yang patut mendapat perhatian supaya lebih diperketatkan lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, rancangan Perairan Pelagat yang disebut sebagai gagal oleh penduduk-penduduk daerah Besut pada hari ini. Rancangan ini telahpun mengikut kajiannya hampir 90% siap tetapi petani-petani mengalami di kawasan di sebelah atas rancangan taliair itu berkeringan air dan di sebelah bawahnya didapati air telah terlampau banyak melimpah dan bertakong sehingga beratus-ratus ekar, beribu-ribu ekar di kawasan itu jika dibanci semuanya tidak ditanam dengan padi sehingga hari ini. Masalah yang saya hendak timbulkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah masalah perancangan dan penyelarasan di dalam pembinaan taliair ini. Taliair Pelagat ini, ialah mengalir di sempadan Negeri Kelantan dan Negeri Trengganu iaitu di daerah Besut dan taliair ini bila dibuat daripada atas sampai ke bawah lebih kurang dalam 5-6 batu panjangnya dan tidak ada jalan keluar, sampai hari ini airnya bertakong di dalam sawah-sawah padi kerana tidak ada satu jalan pun yang mengeluarkan air daripada taliair itu ke sungai atau ke mana-mana tempat. Setelah perkara ini disedari pihak saya, Pegawai Daerah dan pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar Trengganu sendiri telah pergi menyelidiki dengan menghalusi perkara ini dan didapati hanya satu cara sahaja boleh mengeluarkan air daripada

taliair ini ialah melalui satu kawasan di daerah Pasir Puteh, di Kelantan. Tetapi selepas daripada itu pihak Majlis Jawatankuasa Tindakan Daerah bagi daerah Besut telah membuat keputusan supaya Jurutera J.P.T. Besut berunding dengan pihak Jurutera di Kelantan didapati tidak mendapat persetujuan ataupun mendapat kebenaran daripada pihak J.P.T. Kelantan untuk membenarkan taliair ini dikeluarkan melalui sungai dalam Negeri Kelantan. Keadaan ini terbengkalai sehingga hari ini saya masih yakin sebab keterangan daripada Jurutera J.P.T. sendiri tidak tahu apa hendak buat. Masaalahnya sekarang beratus-ratus ekar tanah sawah di bahagian bawah itu bertakung dengan air yang biasanya boleh ditanam padi sekarang langsung tidak dapat ditanam padi dan di sebelah atasnya telah kekeringan dengan sebab tidak dapat dikawal perjalanan taliair itu dengan sempurna. Yang saya timbulkan di sini sepatutnya di dalam sesuatu rancangan pembinaan taliair yang besar seumpama ini mestilah ada koordinasi atau penyelarasan di antara satu negeri dengan negeri yang lain yang diuruskan oleh pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi, saya menyebutkan perkara ini sebagaimana yang saya kata tadi mudah-mudahan akan menjadi panduan di dalam perancangan pembinaan parit dan taliair di kawasan-kawasan lain yang mana berkehendakkan peruntukan tambahan sebagaimana yang tercatat di dalam kepala-kepal kecil di bawah Kepala B. 17 ini, pecahan-kepal parit dan taliair.

6.01 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, saya cuma ingin hendak mengambil bahagian yang sedikit sahaja dalam tajuk yang dibahaskan sekarang ini iaitu berkenaan dengan taliair.

Di kawasan saya iaitu kawasan Baling beberapa pembinaan-pembinaan taliair telah dibuat oleh Kerajaan sejak beberapa tahun yang lalu tetapi dengan kerana barangkali dalam pembinaan itu tidak dibuat dengan secara yang teliti maka pembinaan-pembinaan dua taliair yang memakan wang yang banyak yang beberapa kali diperbaiki dan sehingga sampai sekarang ini tidak dapat digunakan dengan baik. Apakah sebab keadaan-keadaan pembinaan begini terjadi pada hal dalam Kementerian tersebut, dalam

Jabatan yang dipersoalkan sekarang ini iaitu Jabatan Parit dan Taliair beberapa jurutera-jurutera yang berkebolehan yang berijazah tinggi yang bergaji besar diperbantukan kepada tiap-tiap negeri akan tetapi mengapakah kejadian-kejadian yang begini terjadi yang menyebabkan rakyat pada hari ini rugi dengan kerana masa terbuang, masa yang mereka patut mendapat air dengan baik untuk persawahan mereka telah terbuang. Yang keduanya ialah wang jahanam, rancangan yang diperbuat dengan kerana tidak ada penelitian atau plan itu telah jahanam. Yang ketiganya

Tuan Pengerusi: Sabar dahulu! Yang Berhormat ini bercakap di bawah pecahan-kepal mana?

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Taliair.

Tuan Pengerusi: Tetapi di bawah mana? Yang dikehendaki ini di bawah pembangunan berjumlah \$170,140. Mana ada tersebut perkara ini? Bukan taliair umum, yang ada hubungan hendak minta duit ini.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Saya ingat saya bercakap ini dengan sebab mungkin wang ini tidak diperuntukkan ke dalam

Tuan Pengerusi: Ini yang tidak diperuntukkan tidak boleh disebut. Apa yang disebut di sini yang diminta \$170,140—itu sahaja. Samada hendak diluluskan atau tidak, kalau tidak, mengapa dan apa hendak disebut dalam perkara ini.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Pengerusi, sebabnya yang saya sebut di sini saya pun

Tuan Pengerusi: Di bawah tajuk pecahan-kepal mana?

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Berkenaan dengan pertanian.

Tuan Pengerusi: Ya, pertanian luas tetapi yang hendak diminta ini hanya \$170,140; yang lain itu hendak \$10 sahaja, selain daripada \$170,140.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Dalam kepala peruntukan \$10 itu.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi tidak disebut "Baling" di sini.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Pengerusi, kalau sudah begitu, tidak berupayalah saya.

Tuan Pengerusi: Yang tidak ada buat apa hendak dicakapkan?

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tetapi saya ingin mengeluarkan perasaan ini, sebab tidak ada dalam peruntukan inilah yang saya hendak bercakap.

Tuan Pengerusi: Itu boleh bercakap am sahaja nanti.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Kalau begitu, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

6.05 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Pertanian, Kepala P. 17, Pecahan-kepala 100—Rancangan Taliair Perak, yang ada hubungannya dengan kawasan yang saya wakili sekarang.

Tuan Pengerusi, saya berbesar hati yang mana pihak Kementerian ataupun jabatan ini telah mengadakan beberapa rancangan di kawasan yang saya wakili. Walau bagaimanapun, nampaknya rancangan ini adalah merupakan rancangan cuba-cuba. Pada pandangan petani-petani rancangan cuba-cuba ini tidak boleh, mereka berkehendakkan di mana tempat itu telah dibuat tempat mereka pun ada juga demikian. Contohnya saya nyatakan iaitu untuk panduan di masa yang akan datang peruntukan tambahan yang dikehendaki pada tanda \$10 itu sudah sewajarnya pilot project yang telah dibuat pada tahun 1974 yang lalu patut dilanjutkan kerana dengan pilot project ini memudahkan petani-petani dapat menambahkan hasil pertaniannya dengan baik dan membolehkan petani-petani menggunakan jentera, tidak lagi mereka menggunakan seperti bentuk lama juga yakni dengan tajak.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini juga saya ingin menyatakan bahawa cara kerja-kerja yang telah dibuat oleh pihak jabatan ini agak begitu tidak menyenangkan kerana apa yang saya perhatikan mereka mengorek parit

itu bukan untuk menambah ataupun memberikan air ke sawah-sawah tetapi apabila dikorek parit itu makin dalam, jadi airnya banyak lepas ke bawah dan terbuang sahaja.

Tuan Pengerusi: Apa perkara yang dikorek tak makin dalam? (*Ketawa*)

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Pengerusi, memang dalamlah tetapi kehendak petani-petani itu tidak dapat air, sebab air itu lepas ke bawah dan sawahnya lepas ke atas, itu maksud saya tadi. Kemudian batasnya itu pula makin lama makin kecil sudah tidak boleh dilalui. Kita hendak tegur pun maklumlah mereka ini ada dengan sijil-sijil yang berijazah tinggi dan sudah lama belajar, tetapi ini menyusahkan pula petani-petani hendak menggunakan kenderaan kampung untuk lalu di atas batas yang disediakan itu. Saya harap kepada Kementerian yang berkenaan patutlah berikan satu pandangan dan perhatian yang besar kerana di kawasan ini adalah merupakan kawasan pengeluaran padi juga untuk menyelamatkan sebahagian daripada wang negara.

Selain daripada itu saya rasa pihak pegawai ataupun kakitangan yang ada hubungan dengan parit dan taliair ini patutlah selalu-selalu sedikit melawat kerana petani-petani ini hendak pergi mengadu terus mereka ini segan sedikit sebab pegawai-pegawai ini muda-muda. Jadi sepatutnya pegawai-pegawai ini dapat masuk ke kawasan itu dan tengok betul-betul di parit mana ataupun taliair mana yang kekurangan air patut diadakan satu gerak kerja yang serta-merta ataupun dengan apa cara yang boleh bagi membolehkan petani-petani mendapat bekalan air semasa mereka turun ke sawah.

Tuan Pengerusi, yang agak menarik hati saya kerana perbezaan di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain iaitu penyelenggaraannya. Saya contohkan di kawasan Chuchak sepanjang tahun kapal koreknya ada dua buah tetapi di sebelah Sungai Manik kapal korek untuk membesar dan mendalamkan parit itu ada satu sahaja, lepas itu rosak pula sampai tiga bulan, jadi pekerjaanya tidaklah bekerja. Jadi macam mana helah mereka supaya petani-petani jangan bising maka ditulis kepada tangki minyak itu R-O-S-A-K, ertinya rosak. Jadi mereka ini duduk sahajalah, tunggu sampai tiga bulan

melihatkan keadaan sekeliling. Maka petani-petani ini hebohlah: senang betul orang ini bekerja, tidak ada kerja kerana kapal korek rosak. Saya rasa perkara kerosakan yang seumpama ini pihak J.P.T. tentulah mempunyai pegawai ataupun jurutera ataupun bahagian jenteranya ada boleh dibuat dengan seberapa segera yang boleh. Janganlah sampai dua bulan ataupun tiga bulan baru kapal korek ini boleh bergerak semula. Jadi harapan daripada petani-petani yang saya wakili iaitu kawasan Sungai Manik, kawasan Bukit Tunggul dan Seberang Perak mengharapkan sungguh-sungguh supaya usaha-usaha untuk memaju dan memberikan bekalan air dengan sebaik-baiknya bila musim mereka turun ke sawah dapat membolehkan mereka menjalankan usaha untuk pertanian.

6.11 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga turut mengambil bahagian dalam perbincangan serta menyokong di atas Anggaran Pembangunan (Tambahan).

Saya menyentuh Kepala P. 17—Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar. Saya tertarik hati di atas pinjaman pelaburan yang diberi sebanyak \$170,000 kepada Koperasi Nelayan dan Pertanian Pulau Aman dan Seberang Prai Tengah termasuklah kawasan Permatang Pauh, sungguhpun penubuhan Koperasi ini tidak dalam pengetahuan saya mungkin kerana baru ditubuhkan, sebab wakil rakyat sendiri pun tidak tahu bahawasanya ada satu Koperasi Nelayan dan Pertanian dalam kawasan saya dan telah diberi peruntukan sebanyak \$170,000. Oleh sebab itu, saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengawasi betul-betul supaya wang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dapat betul-betul memberi faedah kepada mereka yang berkenaan kepada ahli-ahli, sebab ada satu koperasi yang begitu muda sehingga wakil rakyat sendiripun tidak tahu bahawa adanya koperasi ini dan saya berharap sangat-sangat supaya wang ini jangan disalahgunakan. Saya kata begitu sebab sekarang sudah ada MAJUIKAN, sudah ada Lembaga Pertubuhan Peladang. Jadi kalau digalakkan lain-lain koperasi ditubuhkan di kawasan-kawasan, mungkin ini akan jadi duplication of work ataupun akan menghasilkan banyak tenaga—kurang hasil.

Saya berharap sangat-sangat supaya mengawasi supaya ahli-ahli sendiri akan mendapat faedah.

Satu perkara lagi yang ingin saya mengambil perhatian sebab selepas merenung daripada Pecahan-kepala 60 hingga 139—Rancangan-rancangan Parit dan Taliair tidak ada langsung peruntukan untuk kawasan Permatang Pauh. Mungkin ini difikirkan bahawa kerana Prai Barat akan siap. Tetapi untuk pengetahuan Menteri yang berkenaan dari maklumat yang saya dapati Prai Barat ini cuma akan siap pada tahun 1984 iaitu lebih kurang lapan tahun daripada sekarang. Kawasan itu juga ada masalah di mana kadang-kadang air terlalu banyak dan ada pula air kurang langsung. Pengalaman yang telah didapati daripada kejadian-kejadian yang berlaku di kawasan itu elok dijadikan pedoman kepada kakitangan atau pegawai-pegawai yang akan menjalankan projek-projek daripada Pecahan-kepala 60 hingga 139. Apabila taliair yang diperlukan, janganlah

Tuan Pengerusi: Majlis ini sedang menimbang peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebanyak \$170,140 sebagaimana di dalamnya iaitu Kepala P. 17 dan hanya yang berhubung dengan Pecahan-kepala 9, 24, 54, di bawah peruntukan Parit dan Taliair 60, 62, 79, 100, 115, 131, 138, 139, 145, 146, 147 dan 148 sahaja dan tiap-tiap satu itu hendak diminta peruntukan sebanyak \$10 sahaja. Jadi saya minta Ahli Yang Berhormat tumpukan kepada peruntukan yang diminta untuk \$10 ringgit sahaja.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak memberi pendapat sedikit sahaja. Apabila satu-satu tempat itu memerlukan taliair, janganlah buat drainage, sebab perkara ini telah dibangkitkan oleh rakan saya dari Hilir Perak tadi iaitu apabila kita membuat satu parit, jangan dikorekkan parit kerana bila dikorek parit, air daripada bendang yang ada sedikit masuk ke situ. Jadi bukan kita hendak menyelesaikan masalah tetapi kita timbulkan pula masalah. Kalau sebelum itu air ada sedikit dalam bendang, bila dikorek di situ, air sudah kering

Tuan Pengerusi: Bendang mana yang berlaku?

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Ini pengalaman yang saya dapat daripada kawasan saya Permatang Pauh.

Tuan Pengerusi: Itu tidak boleh, sepatutnya bercakap tadi pada masa membahaskan dasar.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Selain dari itu, saya sekali lagi menyokong di atas peruntukan tambahan ini cuma saya merayu dan menyeru sekali lagi kepada Menteri yang berkenaan supaya mengawasi betul-betul soal pentadbiran dan perjalanan Koperasi Nelayan dan Pertanian Pulau Aman dan Seberang Prai Tengah kerana koperasi ini adalah satu koperasi yang baru benar sehingga saya sendiri tidak tahu, cuma datang ke Dewan baru dapat tahu.

6.17 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya juga menyokong peruntukan Kementerian ini di bawah Kepala P. 17, Pecahan-kepala 9—Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Saya bercakap ini mengenai dengan MAJUikan. Saya dapati kebanyakan ikan-ikan yang didapati hari ini ada dua jenis ikan, iaitu ikan laut dan ikan darat.

Tuan Pengerusi: Itu semua orang tahu (*Ketawa*). Sila teruskan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ikan darat kebanyakan tidak begitu biak seperti di masa-masa yang silam disebabkan alat-alat racun serangga yang mematikan ikan-ikan tersebut. Dengan sebab itu ikan-ikan daratlah yang boleh dikatakan mendapat pasaran yang baik sebagaimana saya yakin, tidak tahulah di negeri-negeri lain tetapi bagi negeri Kedah dan Perlis ikan haruan, keli, sepat Kedah, dan sebagainya adalah satu-satunya ikan yang diminati oleh ramai orang apatah lagi kalau jarang mendapat ikan yang berkenaan. Nampaknya ikan tersebut sekarang masih banyak hilang dan harganya melambung lebih mahal daripada ikan-ikan laut seperti ikan termenong dan sebagainya. Dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan khususnya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia hendaklah menitikberatkan berkenaan dengan pembela-pembela ikan di atas air tawar ini hendaklah dipusatkan lagi, janganlah kita tunggukan

semata-mata Lembaga Kemajuan Ikan-ikan ini dikhaskan kepada ikan-ikan laut dan kalau ada pun ikan air tawar ini terlampau sedikit. Jadi pihak petani ataupun pihak-pihak pengguna ingin membeli walaupun harganya itu mahal daripada biasa, kerana ikan-ikan yang saya katakan tadi sangat kekurangan disebabkan mati oleh racun-racun serangga.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya juga bercakap berkenaan dengan koperasi berhubung dengan pinjaman. Saya bersetuju dengan pendapat rakan saya daripada Permatang Pauh rancangan ini amatlah baik kalau disalurkan ke seluruh Malaysia. Saya yakin perkara ini telah disalurkan oleh Kementerian yang berkenaan, tetapi tidak dapat penerangan selanjutnya daripada petani-petani. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan sesudah menjalankan satu-satu rancangan yang baik yang saya yakin akan mendapat sambutan, tetapi tidak keseluruhannya kerana ada di antara petani-petani sendiri yang tidak begitu faham ataupun tidak dapat tahu dengan sebenarnya. Dengan sebab itu saya berharap selain daripada rancangan ini telah diadakan hendaklah ada satu Pegawai Penerangan Khas untuk memberi fahaman ataupun penerangan yang lebih lanjut kepada ahli-ahli petani supaya dapat dimasuki oleh semua petani-petani yang mana saya tahu pinjaman khas berkenaan dengan koperasi peladang ini yang terutamanya kepada peladang-peladang sendiri. Tetapi amatlah dukacita kalau kebanyakan peladang sendiri yang tidak dapat tahu apa yang dibuatkan oleh Jabatan Pertanian yang mana hasilnya untuk peladang sendiri.

Tuan Pengerusi, saya suka juga bercakap sedikit berkenaan dengan rancangan-rancangan pertanian, saya sentuh berkenaan dengan korporasi peladang. Pada hari ini telah mendapat sambutan yang baik tetapi yang menjadi malangnya sedikit, pada masa yang lepas Pegawai-pegawai Korporasi Peladang diambil daripada Jabatan Pertanian dan orang-orang ini amatlah bersemangat, tetapi agaknya berjalan dengan begitu baik ditukarkan pula dengan pegawai-pegawai baru yang belum dikatakan mahir berkenaan dengan korporasi peladang khususnya berkenaan dengan pelaburan, pinjaman dan sebagainya. Maka ini terbit desas-desus ataupun tidak puas hati daripada ahli-ahli yang akan membuat pinjaman atau melaburkan

modal-modal kepada korporasi ataupun persatuan peladang. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan patutlah dikaji atau ditimbangkan kalau kita kata dari segi persatuan peladang atau korporasi peladang di bawah Jabatan Pertanian dan Pejabat Pertanian juga di bawah Pejabat Pertanian patut perkara ini dikaji dengan baik supaya jangan mengakibatkan petani-petani kucar-kacir yang mana rancangan ini amatlah baik tetapi salah tadbir ataupun tidak begitu menyesuaikan dengan keadaan orang yang begitu lama.

6.22 *pig.*

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan di atas perkara-perkara yang saya kemukakan pada petang ini.

Yang pertama sekali, saya ingin menjawab Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput yang telah memberi pandangan yang baik supaya dapat mengkaji semula soal potongan gaji oleh Kerajaan pada masa sekarang ini telah ditarik balik dan saya berjanji akan berunding dengan pegawai yang berkenaan untuk mengatasi masalah ini, samada potongan gaji disebabkan tidak mendapat izin daripada pihak yang menerima gaji ataupun tidak, ini belum lagi dapat diketahui dan saya akan menyiasat keadaan ini.

Yang kedua, pandangan daripada Yang Berhormat dari Parit Buntar berkenaan dengan Parit Bungan di kawasan Krian. Di sini saya suka memberi penjelasan sedikit. Kerja-kerja perlaksanaan rancangan ini dalam tahun 1975 telah juga diperkembangkan oleh kerana kerja-kerja yang dahulu yang dijadualkan untuk dilaksanakan selepas tahun 1975 telah dibawa ke hadapan dan ini melibatkan perbelanjaan sebanyak \$2,574,858 yang disediakan di dalam anggaran Pembangunan tahun 1975 hanya sebanyak \$1,644,848. Mengikut tambahan ini anggaran jumlah harga rancangan ini adalah perlu ditambah sebanyak \$300,000. Saya percaya dengan adanya tambahan-tambahan ini maka perkara ini akan dapat diatasi.

Pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor berkenaan dengan ternakan kerang, saya ucapkan terima kasih yang mana pengundi-pengundi Yang Berhormat ini tertarik dengan ternakan kerang.

Apa yang saya harap kalau sebenarnya ada perkara yang tidak mendapat layanan daripada pihak-pihak yang berkenaan untuk membuat perusahaan kerang ini samada untuk mendapatkan tanah ataupun lesen dan sebagainya, kalau dapat Yang Berhormat boleh mengiriskan surat salinan itu supaya saya dapat memberi pertolongan dengan seberapa segera di mana agaknya perkara ini menjadi gangguan daripada perusahaan yang serupa ini. Sebenarnya, Kementerian saya adalah memberi galakan kepada ternakan kerang ini kerana ini ternakan yang baik dan boleh menambah pendapatan nelayan-nelayan.

Yang keduanya, berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat supaya nelayan-nelayan dapat diberi latihan untuk membuat perusahaan daripada kulit-kulit kerang dan juga kulit-kulit karangan kerang laut supaya dapat dipasarkan. Ini yang sebenarnya latihan telahpun dibuat oleh pihak KEMAS di dalam latihan Kelas Latihan Kerja. Jadi oleh kerana itu kalau sekiranya di kawasan Yang Berhormat ada tempat-tempat yang sesuai Yang Berhormat boleh berunding dengan Penyelia di sana untuk mendapatkan guru-guru latihan kemahiran ini bagi membuat perusahaan yang serupa ini. Kerja-kerja yang serupa ini telah dapat dijayakan di sebelah negeri Johor dan saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor akan dapat berunding berkenaan dengan perkara ini untuk diatasi. Saya ucapkan terima kasih.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Besut yang menceritakan masalah Pelagat dan juga Besut, kontrak meninggalkan kerja dan menyusahkan rakyat dan lain kali supaya dikenakan syarat yang ketat. Ini memanglah biasa. Tuan Pengerusi, segala tender-tender yang diberi kepada kontraktor-kontraktor ini ada mempunyai syarat-syarat yang tertentu dan juga wang-wang pertaruhan yang tertentu. Walau bagaimanapun, masalah ini menyusahkan rakyat kerana ada banyak air yang bertakung dan ada banyak tanah-tanah yang kering. Perkara ini saya akan berutus kepada pihak Jurutera Parit dan Taliair Negeri Trengganu untuk mendapatkan butir-butir yang lebih lanjut supaya perkara yang seperti ini dapat diatasi.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Baling oleh kerana pertanyaaan yang dibuat oleh beliau di luar daripada mana-mana Kepala, jadi saya tidak jawab. (*Ketawa*).

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak. Rancangan cuba-cuba ini tidak boleh. Ini sebenarnya begini. Saya tahu apa maksud Ahli Yang Berhormat ini, kerana ada satu rancangan parit concrete di kawasan Hilir Perak dan pada masa ini terpaksa direntikan buat sementara waktu kerana parit concrete masuk ke sawah-sawah harganya terlampau tinggi dan pada masa ini satu rancangan sedang dibuat di kawasan Tanjong Karang untuk mengubah concrete ini kepada fibre glass. Fibre glass ini harganya lebih murah dan masanya lebih cepat. Jadi oleh kerana itu saya harap Yang Berhormat akan sabar apabila sampai masanya mendapat izin daripada Allah nanti akan sampailah ke kawasan Yang Berhormat. (*Ketawa*).

Soal kapal korek di Chuchak ada dua dan di Sungai Manik ada satu. Ini tentulah ada rancangan kerja-kerja yang hendak disediakan yang perlu menggunakan dua dan yang perlu menggunakan satu. Tetapi walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat nampak bahawa kakitangan atau pekerja-pekerja Jabatan Parit dan Taliair asyik duduk sahaja, saya rasa Yang Berhormat tidak boleh berdiam diri sahaja, kenalah beritahu kepada Jurutera supaya betul-betul mereka berehat ataupun kerana perkara yang lain. Ini maklumlah manusia biasa, saya tidak berani beri guarantee tetapi perkara ini elok juga kalau dapat Ahli Yang Berhormat tolong memberi kerjasama kepada Kementerian saya.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh untuk mengawasi benar-benar faedah kepada ahli-ahli, inilah Wakil Rakyat yang saya kehendaki untuk memberi perhatian berat kepada rancangan-rancangan Kerajaan bukan hanya mendapatkan peruntukan tetapi mengawasi rancangan itu supaya benar-benar sampai kepada rakyat. Saya harap selain daripada pegawai-pegawai di Kementerian saya, Ahli Yang Berhormat sendiri juga akan tolong memberi kerjasama supaya dapat mengawasi perkara ini sampai kepada rakyat yang sebenar-benarnya. Saya rasa dukacita kalau satu syarikat ditubuhkan di dalam kawasan itu sampai Ahli Yang Berhormat tidak mengetahui, saya akan berutus kepada Pengarah Koperasi yang ada di sana apakah sebabnya Ahli Yang Berhormat tidak diberitahu di atas soal ini. Ini adalah satu perkara yang sangat mendukacitakan.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat ada membangkitkan beberapa perkara—masaalah perparitan yang ada di sana. Saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat pada 19-4-76 saya akan datang ke kawasan Yang Berhormat barangkali satu berita baik akan menggembirakan Ahli Yang Berhormat.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau berkenaan dengan ikan darat mendapat pasaran baik dan berharap menitik beratkan ikan air tawar bukan sahaja ikan air masin. Sebenarnya, pihak MAJUIKAN mengelolakan kepada kedua-dua jenis ikan. Sekarang rancangan percubaan untuk menjalankan ternakan ikan air tawar sedang dibuat di daerah Kuala Lumpur dan lupa saya nama tempatnya, lebih kurang kawasannya 50,000 ekar. Apa yang disebutkan ikan air darat sekarang mendapat pasaran yang baik, saya sendiri telahpun berunding kepada Pengurus Besar MADA di tempat kawasan Yang Berhormat ini, di sana ada taliair seluas 400 batu yang boleh dternak dengan ikan Sepat Siam yang mendapat harga yang baik. Jadi saya percaya sekarang ini Pengurus Besar MADA sedang membuat ternakan Sepat Siam seberapa banyak di dalam kawasan 400 batu di kawasan MADA. Cuma saya memintakan Yang Berhormat bekerjasama kalau hendak menjala itu biarlah sampai ikan itu besar, kalau ikan itu kecil janganlah dijala dahulu supaya dibiarkan bertelur dan beranak. Kadang-kadang pihak Pegawai Perikanan ini menaburkan ikan, belum sempat lagi ikan itu membesar sudah dijala, sampai tidak beranak, tidak bertelur. Ini menyebabkan kekurangan ikan air darat di kawasan-kawasan sawah dan sebagainya.

Lagi satu Yang Berhormat telah menerangkan berkenaan dengan soal koperasi tidak mendapat penerangan dan petani-petani masih tidak faham. Sebenarnya, kawasan Koperasi sekarang ini telah ada sebanyak 165 buah kawasan. Di tiap-tiap satu kawasan Kementerian ini telah memberikan sebanyak 5 orang pegawai dan boleh dijemput oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada bila-bila masa untuk memberi penerangan. Jadi oleh kerana itu saya harap kalau boleh Yang Berhormat dapat kumpulkan orang ramai di mana tempat yang tidak faham dijemput pegawai itu untuk memberi penerangan. Kalau pegawai itu tidak mahu datang, beritahu saya; itu bahagian saya. Jadi itulah sahaja.

Lagi satu berkenaan dengan pegawai-pegawai ditukarkan dengan pegawai-pegawai baru. Ini satu perkara yang agak barangkali menjadi kekeliruan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, pegawai-pegawai yang lama ditukarkan kepada pegawai-pegawai baru itu ialah pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Pegawai-pegawai L.P.P. yang dipinjamkan oleh Kerajaan Negeri kepada L.P.P. Pusat.

Apabila kita mendapat pegawai-pegawai baru, kita terpaksa menyerahkan balik kepada Kerajaan Negeri kerana Kerajaan Negeri pun memerlukan banyak pegawai-pegawai untuk memperkembangkan pertanian masing-masing.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja dan saya ucapkan terima kasih kepada semua pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$170,140 untuk Kepala P. 17 disetujukan jadi sebahagian daripada Jadual.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 9hb April, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.